

# **BAB 5**

## BAB 5. KAITAN ALAM SEKITAR KE ATAS PERADABAN JEPUN KONTEMPORARI

### 5.1 Pengenalan

Jepun merupakan sebuah negara di rantau Asia yang telah mencapai tahap perkembangan yang amat membanggakan baik dari segi politik, ekonomi maupun sosial. Dewasa ini hampir semua negara di dunia begitu mengagumi cara pemerintahan yang diamalkan sehingga mampu meletakkan Jepun setanding malah adalakanya melebihi negara barat dalam sesetengah pencapaian teknologinya. Jepun kontemporari telah dipengaruhi oleh unsur-unsur alam sekitar Jepun yang kaya dengan khazanah ketamadunan manusia<sup>1</sup>. Ia telah membentuk tamadun Jepun yang hebat dan “bertenaga” hari ini. Peranan alam sekitar boleh dilihat dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat Jepun yang merangkumi aspek politik, sosial, kesenian, keagamaan dan lain-lain lagi.

### 5.2 Kesan Politik

#### 5.2.1 Pentadbiran.

Perlembagaan Jepun yang ada sekarang, yang berkuatkuasa pada tahun 1947, memberi kedaulatan kepada rakyat dan menetapkan Maharaja sebagai lambang Jepun<sup>2</sup>. Maharaja tidak mempunyai autoriti dalam kerajaan, dan beliau melaksanakan urusan

<sup>100</sup> Hori, I (ed) *Japanese Religion: a survey by the Agency for Cultural Affairs*. (Tokyo: Kodansha International, 1972) hal. 76.

<sup>101</sup> Gen Itoska, *Pintu masuk ke Jepun Penduduk dan Masyarakatnya*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995. hal. 150.

negara yang ditentukan oleh Diet Kebangsaan atau Kabinet hanya sebagai tugas rasmi dan istiadat. Walau bagaimanapun beliau diberi layanan sebagai ketua negara untuk tujuan etika diplomatik.



JT: SATOKO KAWASAKI PHOTO

Kabinet Jepun hari ini yang diketuai oleh Junichiro Koizume  
(sumber: [www.gotojapan.com](http://www.gotojapan.com))

Sistem politik Jepun berdasarkan prinsip pemisahan kuasa badan Perundangan, Pentadbiran dan Kehakiman<sup>3</sup>. Badan perundangan Jepun ialah Diet Kebangsaan, autoriti tertinggi dalam urusan negara dan badan tunggal yang mewakili rakyat Jepun. Untuk memastikan pertimbangan teliti urusan negara, Diet dibahagikan kepada dua dewan: Dewan perwakilan, atau Dewan Rakyat, dan Dewan Undangan

---

<sup>102</sup>Ibid, hal. 151.

Negeri, Dewan Negara. Bilangan perwakilan ditetapkan seramai 512 orang dan tempoh mereka memegang jawatan ialah selama empat tahun, kecuali Diet dibubarkan sementara itu. Bilangan ahli Dewan Undangan Negeri ditetapkan seramai 252 orang dan tempoh mereka memegang jawatan ialah selama enam tahun, dengan separuh daripada mereka dipilih setiap tiga tahun<sup>4</sup>.

Badan pentadbiran tertinggi ialah Kabinet, yang dibentuk oleh Perdana Menteri. Ia bertanggungjawab untuk urusan eksekutif, dan untuk penyerahan belanjawan dan rang undang-undang lain kepada Diet, dan bertanggungjawab kepada Diet tentang urusan dalam negeri dan urusan diplomatik. Kementerian-kementerian di bawah arahan Kabinet ialah Pejabat Perdana Menteri, Kementerian Kehakiman, Kementerian Hal-Ehwal Luar, Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan dan Kebajikan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pos dan Telekomunikasi, Kementerian Buruh, Kementerian Pembinaan, dan Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri<sup>5</sup>.

---

<sup>103</sup> *Ibid*, hal. 152.

<sup>104</sup> *Ibid*, hal. 154.



Diet atau parlimen Jepun di Tokyo.  
 ( sumber: [www.japancabinet.com.jpg](http://www.japancabinet.com.jpg))

Badan Kehakiman terdiri daripada Mahkamah Agung dan Mahkamah Rendah. Mahkamah Rendah pula terdiri daripada Mahkamah Tinggi ( Terdapat lapan di berbagai-bagai tempat ), Mahkamah Daerah ( Lima puluh ), satu di setiap To, Fu dan wilayah, tambah empat di Hokkaido ), Mahkamah Ringkas sejumlah 575, dan Mahkamah Keluarga<sup>6</sup>. Badan kerajaan Tempatan pula mengadakan kerjasama yang sangat rapat dengan kerajaan pusat. Politik Jepun pula adalah campuran sistem dua parti dan sistem berbilang parti. Kuasa dipegang dalam Diet oleh Parti Demokratik Liberal yang konservatif, yang mempunyai hampir semua daripada semua kerusi; Pembangkang pula terdiri daripada Parti Sosialis, Kerajaan Bersih, Sosialis Demokratik dan Parti Komunis, serta parti kecil yang lain. Pengurusan seperti Persekutuan Organisasi Ekonomi,

---

<sup>105</sup> *Ibid*, hal. 154.

Persekutuan Persatuan Majikan Jepun, Jawatankuasa Jepun untuk Pembangunan Ekonomi dan Dewan Perdagangan dan Industri Jepun terus mempunyai pengaruh politik yang kuat terhadap parti pemerintah. Setiap ahli Diet Kebangsaan, setiap Gabenor dan Datuk Bandar kawasan, wilayah, Bandaraya, Bandar dan kampung, termasuk Tokyo, dan setiap ahli perhimpunan yang mewakili kawasan ini dipilih melalui pengundian secara langsung. Setiap warganegara yang berumur 20 tahun layak mengundi dan yang berumur lebih 25 tahun layak untuk memegang jawatan dalam kerajaan.

### 5.2.2 Hubungan Serantau

Perjanjian Kanagawa pada 21 Mac 1854<sup>7</sup> merupakan detik permulaan kepada usaha Jepun untuk menjalinkan hubungan dengan negara luar atas desakan Amerika Syarikat. Seterusnya telah mendatangkan kebaikan kepada Jepun untuk menjadi sebuah negara yang maju dan lagi moden. Hubungan serantau Jepun telah bermula sekitar tahun 1868 dengan menerima perwakilan asing. Ini terutamanya pada zaman Meiji.

Objektif asas hubungan luar Jepun ialah untuk menyumbangkan ke arah keamanan dan kestabilan dunia juga ke arah kemajuan komuniti antarabangsa secara aman melalui galakan kerjasama dan dialog di kalangan negara-negara di dunia<sup>8</sup>. Jepun telah melaksanakan luar negerinya sebagai sebuah negara yang cintakan keamanan mengikut Perlembagaan keamanannya dengan mengamalkan diplomasi dialog secara

---

<sup>106</sup> Reader, I *Religion in Contemporary Japan*. (London: Macmillan, 1991) hal. 88.

<sup>107</sup> *Ibid.*, hal. 89.

meluas dengan kesemua negara di dunia tanpa mengira perbezaan dari segi sistem sosial, dan politik dalam negeri atau kedudukannya di peringkat antarabangsa.

Corak asas dasar luar negeri Jepun ini telah dilaksanakan tanpa prejedis terhadap hubungan kerjasama dan persahabatan negara itu dengan negara-negara Amerika, Eropah, Barat, dan Oceania yang mempunyai idea dan sistem sosial dan ekonomi yang sama<sup>9</sup>. Jepun juga menganggap penting untuk mengekal dan seterusnya menggalakkan hubungan persahabatan tradisionalnya dengan jiran-jirannya di Asia terutamanya negara-negara Asia Timur. Kesungguhan Jepun dalam hubungan luarnya terbukti melalui keanggotaannya dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ( PBB ). Dalam pertubuhan ini Jepun telah banyak memberi khidmatnya dalam Majlis Keselamatan, Majlis ekonomi dan sosial serta beberapa lagi Majlis dan lambang dalam PBB. Dari segi kewangan juga dilihat Jepun begitu banyak memberi sumbangan kepada belanjawan pertubuhan dunia itu. Dalam masa yang sama turut terlibat dalam penyelesaian sengketa-sengketa antarabangsa secara aman.

Jepun juga turut mengadakan hubungan serantau dengan Asia yang berjiran yang sama-sama cintakan keamanan. Hubungan ini merupakan asas kepada dasar luar negerinya. Usaha meningkat dan mengekalkan lagi hubungan kerjasama dan persahabatan dengan Republik Korea, yang merupakan jiran Jepun yang paling hampir adalah asas kepada dasar luarnya. Jepun juga begitu aktif membantu pertubuhan negara-negara ASEAN, dalam usaha mereka untuk meneruskan kerjasama positif mengekalkan keamanan rantau ASEAN.

---

<sup>108</sup> *Jepun Hari ini*, Kementerian Luar Negeri Jepun, 1983, hlm. 31.

Dalam kerjasama serantau di Asia, Jepun adalah ahli Suruhanjaya Ekonomi dan sosial Bangsa-Bangsa Bersatu Asia dan Pasifik ( ESCAP ) sejak tahun 1953<sup>10</sup>. Di samping itu Jepun juga telah membuat sumbangan-sumbangan yang besar kepada institusi kerjasama serantau yang ditubuhkan di bawah naungan Persidangan Menteri-Menteri bagi kemajuan ekonomi Asia Tenggara. Kini Jepun semakin bertambah maju dalam hubungan luarnya dan boleh dilihat apabila hubungannya dengan Amerika sangat rapat dan erat dalam hampir semua bidang kehidupannya. Dan begitulah juga hubungan luar Jepun ke atas Kesatuan Soviet, China, serta beberapa negara Barat dan Asia yang lain.

### 5.3 Kesan Ekonomi


#### 5.3.1 Dasar Ekonomi Jepun

Dalam membincangkan dasar ekonomi Jepun, fokus utama ialah pada Zaman Meiji. Pemimpin-pemimpin Meiji telah menekankan soal pemodenan ekonomi yang berorientasikan industri kapitalisme. Kaedah ini merupakan kunci utama kepada kejayaan keselamatan dan keagungan nasionalisme. Modernisasi ekonomi yang dijalankan adalah bertujuan untuk menambahkan peluang pekerjaan terutamanya kepada golongan samurai yang sebelum ini menerima penceن daripada pihak kerajaan. Oleh itu selain daripada mengurangkan beban kerajaan baru membayar penceن golongan samurai, ianya juga turut

---

<sup>109</sup> *Ibid*, hlm. 154.

memberi peluang pekerjaan kepada rakyat jelata. Penyediaan peluang pekerjaan ini bukan sahaja dapat meringankan beban kerajaan malah juga membantu dalam peningkatan taraf hidup masyarakat Jepun sendiri.



Barangan elektronik adalah antara industri utama di Jepun.  
(sumber: [www.shopbuying.jpg](http://www.shopbuying.jpg))

Tidak dinafikan juga, ekonomi Jepun membangun dengan pesat berikutan dengan pelaksanaan perlembagaan, dalam jangkamasa kurang daripada enam puluh tahun negara Jepun muncul sebagai sebuah negara kapitalis moden.<sup>11</sup> Sebagai langkah awalnya, pmodernen Meiji telah dimulakan dengan pembangunan ke atas sektor pertanian. Pembangunan ke atas sektor ini tidak dapat dielakkan kerana ianya boleh memberikan peluang pekerjaan yang banyak kepada rakyatnya. Tambahan juga ianya telah menghasilkan hampir 80% dari jumlah hasil pendapatan dalam negeri dalam tahun-tahun

<sup>11</sup> Yutaka Zazawa, Saburo Matsubara, Shunsuke Okada dan Yasunori Nagata, *Sejarah Kebudayaaan Jepun, satu perspektif*, ( terjemahan Prof. Dr. M. Rajendran ), Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Jepun, 1987, hal. 100.

1870-an dan 1880-an.<sup>12</sup> eksport pertanian seperti sutera dan teh telah dijadikan asas kewangan negara bagi membeli jentera dan bahan-bahan perindustrian yang diimport dari barat.

Bermula dari tahun 1873, pemimpin-pemimpin Meiji telah mengarahkan semua cukai tanah dibayar dalam bentuk wang tunai<sup>13</sup>. Bagi meningkatkan lagi daya pengeluaran hasil pertanian negara, penuntut-penuntut dalam jurusan pertanian telah dihantar ke luar negeri. Disamping itu pakar-pakar pertanian asing telah diambil untuk bekerja melatih rakyatnya. Sistem pengairan dan saluran diperbaiki. Sekolah-sekolah, maktab-maktab serta stesen-stesen pertanian telah didirikan di beberapa bandar termasuk Tokyo. Walaupun sektor tersebut telah dibangunkan dengan berbagai cara namun ianya belum mencapai satu tahap yang dijangkakan.

Oleh yang demikian, pemimpin-pemimpin Meiji telah mengambil alternatif lain iaitu dengan memberi tumpuan kepada bidang perindustrian. Apa yang menakjubkan di sini ialah bagaimana pemimpin Meiji dapat menjalankan dasar revolusi perindustrian Jepun dan pertumbuhan kapitalisme moden dalam jangka masa yang begitu singkat. Di negara barat proses peralihan ini mengambil masa yang begitu lama dan mengalami berbagai peringkat. Namun di Jepun ianya telah berlaku dalam satu generasi (lebih kurang 25 hingga 30 tahun).

---

<sup>12</sup> M. Rajendran, *Sejarah Jepun*, Arenabuku, Kuala Lumpur, 1988, hal. 80.

<sup>13</sup> *Ibid.*, hal. 74

Bagi mencapai tujuan ini, kebanyakan daripada kredit bagi pencapaian tersebut diberikan kepada pemimpin Meiji yang telah memberi sokongan sepenuhnya kepada proses pembangunan industri. Selain itu Oligarki Meiji turut memberi penekanan kepada industri pertahanan seperti pembinaan kapal dan peralatan perang yang lain<sup>14</sup>. Untuk itu juga kerajaan telah menggalakkan penyertaan modal persendirian supaya melabur dalam bidang- bidang perindustrian baru.

Dalam usaha menanggani masalah kekurangan modal pemulaan ini, kerajaan telah menujuhkan beberapa industri pembuatan dalam tahun-tahun 1870-an. Antara kilang- kilang yang didirikan itu ialah kilang penggulungan sutera moden di Tomioka dan Maebashi dalam tahun 1870, sebuah kilang memintal kapas di Nagoya pada tahun 1875. Selepas itu telah didirikan banyak kilang-kilang baru yang diuruskan oleh berbagai syarikat seperti Mitsui, Mitsubishi, Sumitomo, Kawasaki dan beberapa yang lain. Syarikat-syarikat inilah akhirnya memainkan peranan penting ke arah pertumbuhan ekonomi pesat negara Jepun. Antaranya iaitu kumpulan Zaibatsu telah memberi sumbangan yang besar di dalam proses transformasi dan kemajuan ekonomi serta perkembangan pesat bidang perindustrian negara Jepun<sup>15</sup>.

---

<sup>113</sup>Fukuda, *op. cit.*, hal. 55.

<sup>114</sup> Reader, I Religion in Contemporary Japan. (London: Macmillan, 1991) hal. 89.

### 5.3.2 Hubungan perdagangan dengan negara luar.

Sebenarnya Negara Jepun telah mengadakan hubungan dengan negara luar sejak dekad pertama dan kedua abad ke – 17. Di mana Bakufu telah giat memajukan perdagangan asing. Saudagar- saudagar Jepun digalakkan untuk mengadakan hubungan perdagangan dengan negara China dan Asia Tenggara. Dengan itu rakyat Jepun dibenar dan digalakkan berhijrah ke luar negeri. Ieyasu misalnya menyambut baik kedatangan pedagang- pedagang Portugis dan Belanda ke Jepun terutamanya dalam abad ke – 17.

Namun hubungan perdagangan ini tiba- tiba terhenti pada tahun 1630 - an apabila Bakufu membuat keputusan untuk menutup Jepun kepada dunia luar. Perdagangan asing telah diharamkan sama sekali. Tindakan tegas dilakukan bagi mereka yang ingkar kepada perintah. Dasar pemencilan Jepun yang berlaku selama hampir 200 tahun telah berakhir selepas menerima tekanan kuat kuasa asing seperti Amerika Syarikat untuk membuka pintu negaranya kepada perdagangan luar. Pembukaan semula pintu negara Jepun kepada dunia luar bermula selepas Komodor Perry diarahkan oleh Amerika syarikat untuk memperolehi jaminan perlindungan bagi Angkatan Laut Amerika yang terkandas di Jepun, mendapatkan kebenaran bagi kapal-kapal Amerika memperolehi bekalan makanan dan bahan api di mana-mana pelabuhan Jepun serta membuka sebuah pelabuhan masuk kepada kemudahan-kemudahan kepada kapal perdagangan Amerika<sup>16</sup>.

---

<sup>115</sup> Edwin O. Reischauer, *Japan : Past and Present*, New York : Alfred A. Knopf, Inc., 1964, hal. 11.


Hubungan perdagangan Jepun dengan dunia luar terutamanya Amerika Syarikat lebih menampakkan sinarnya selepas menteri luar Jepun membuat perundingan dengan kuasa-kuasa Barat di Tokyo pada tahun 1882. Sebagai langkah awal dalam usaha ini, satu usaha telah dibuat untuk membawa masuk pakaian dan permainan Eropah<sup>17</sup> ke Jepun. Selama lebih 45 tahun, Jepun telah berjaya meletakkan asas industri dan ekonomi serta berjaya mengawal pasaran peringkat serantau dan hagemoni ekonomi global. Pada tahun 1970-an, Jepun menjadi hagemoni di Asia Timur dan di akhir tahun 1980-an, Jepun telah mula mengancam penguasaan hagemoni Amerika Syarikat terhadap ekonomi dunia.

Bermula dari Doktrin Guam oleh Nixon pada tahun 1969 yang menggalakkan sekutu-sekutu Amerika di Asia menjadi penjamin utama keselamatan masing-masing, peningkatan harga minyak oleh OPEC pada tahun 1973, pendudukan Vietnam ke atas Indochina, Soviet ke atas Afghanistan serta kemunculan Jepun dengan status kuasa ekonomi kedua dunia telah menyebabkan Tokyo sedikit demi sedikit merubah dasar luar negeri dan keselamatan nasional seimbang dengan perubahan-perubahan dunia yang berlaku dalam keseimbangan kuasa dan hubungan antarabangsa keseluruhannya. Pada tahun 1973 juga suruhanjaya Trilateral ditubuhkan bagi menghubungkan Amerika Syarikat, EC, dan Jepun dan pada tahun 1980-an telah diperbesarkan kepada persidangan Jepun dengan Nato sehingga pada tahun 1975, Jepun telah menganggotai G-7<sup>18</sup>.

---

<sup>17</sup> Harold M Vinacke, *Sejarah Timor Jauh dalam zaman moden*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1967, hal. 158.

<sup>18</sup>*Ibid.*, hal. 160.



Carta berikut menunjukkan barang import Jepun.  
(sumber: [www.japan\\_economics.jpg.com](http://www.japan_economics.jpg.com))

Selain itu, Jepun juga mengadakan hubungan perdagangan serantau dengan ASEAN . Hubungan ASEAN-Jepun bertambah rapat dan sentiasa dierat dalam pelbagai bidang. Jepun sebagai kuasa ekonomi terunggul di Asia, dan kedua di dunia serta merupakan negara yang mempunyai teknologi tinggi terutamanya dalam spesifik tertentu. Jepun juga merupakan negara yang terbesar dalam pembiayaan modal dan kewangan dikatakan telah menjadi enjin kepada pertumbuhan dinamik ekonomi Asia Tenggara di mana turmuannya melebihi tumpuan Asia Timur sendiri. Hubungan multi-lateral ASEAN-Jepun telah menekankan kerjasama dalam bidang perdagangan, pelaburan dan pemindahan teknologi. Sebaliknya secara tradisi, negara-negara di Asia Tenggara

merupakan penyumbang bahan mentah kepada Jepun dan penggantungan ini masih lagi berterusan sehingga ke hari ini.




Kereta merupakan eksport terbesar Jepun semenjak 1966.  
(sumber: [www.hondaracingteam.com.jpg](http://www.hondaracingteam.com.jpg))

## 5.4 Kesan Sosial

### 5.4.1 Sukan

#### 5.4.1.1 SUMO.

Sumo merupakan sejenis gusti Jepun dan juga sukan kebangsaan negara Jepun. Ia bermula pada zaman dahulu kala sebagai salah satu upacara keagamaan untuk memuja Tuhan atau Dewa Shinto. Sehingga hari ini, masih lagi terdapat beberapa upacara pemujaan dijalankan untuk sukan ini.



Sumo yang hanya terdapat di Jepun. Ia juga dikenali sebagai  
“the battle of god”  
(sumber: [www.kyodojapan.com.my](http://www.kyodojapan.com.my))

Peraturan asas sumo adalah mudah. Ahli gusti yang menyentuh lantai selain daripada tapak kaki ataupun sesiapa ahli gusti yang keluar daripada bulatan akan dikira kalah. Perlawanan sumo akan berakhir dalam beberapa saat sahaja dan amat jarang untuk perlawanannya mengambil masa yang melebihi seminit<sup>19</sup>.

---

<sup>118</sup> Eiichiro Ishida, *Budaya Jepun : Kajian Tentang Asal-Usul dan Ciri*, ( Kuala Lumpur : Pustaka Cipta Sdn. Bhd., 1986 ) hal. 51.

Enam perlawanan akan diadakan setiap tahun. Setiap satu perlawanan akan tamat dalam masa 15 hari. Tiga daripada enam perlawanan ini diadakan di Tokyo dan selebihnya di Fukuoka, Osaka dan Nagoya.

Tahap tertinggi dalam hieraki gusti sumo digelar yokozuna. Ketika ini terdapat dua orang yokozuna iaitu Takanohana dan Musashimaru. Apabila seseorang ahili gusti sumo mencapai tahap yokozuna, dia tidak boleh kalah lagi, tetapi pengusti tersebut diminta bersara apabila prestasinya mula menurun.

Kebanyakkan ahli sumo telah dilatih dan berumur di antara 20 hingga 35 tahun. Selain bersenam, ahli gusti mesti makan dengan banyak dan tidur selepas makan. Ini bertujuan untuk menambahkan berat badan mereka. Setiap ahli sumo tinggal dalam sebuah rumah khas di mana peraturannya amat ketat terutama sekali bagi peringkat permulaan. Sumo masih terkenal dan perlawanan boleh ditonton melalui televisyen.

#### **5.4.1.2 KARATE.**


Karate diasaskan oleh Bodhidharma. Beliau dikenali sebagai ‘Daruma’ di Jepun. Rahib India-Buddha dikatakan sumber bagi kesemua seni mempertahankan diri. Beberapa gerakan dikesan berasal dari kuil Shaolin yang menjadi lagenda<sup>20</sup>.

Lagenda karate bermula beribu-ribu tahun dahulu, iaitu pada kurun ke lima sebelum masihi di mana Bodhidharma dari India tiba di Shaolin-si (sebuah kuil kecil di dalam hutan) di China dan mengajar Zen Buddhism. Beliau juga memperkenalkan satu

---

<sup>20</sup>Ibid. hal. 53.

set senaman yang bersistem. Ia bertujuan untuk menguatkan fizikal dan minda. Gerakan ini merupakan peringkat awal satu ciri tumbukan Shaolin. Ajaran Bodhidharma akhirnya menjadi asas kepada kebanyakan seni mempertahankan diri orang-orang cina. Dengan lebih tepat lagi, karate bermula menjadi sesuatu yang tidak mudah dilihat dan hanya sebahagian kecil sahaja diketahui tentang sejarah awal dan perkembangannya sehingga karate muncul di Okinawa<sup>21</sup>.



Pakaian rasmi untuk mereka yang mempelajari seni Karate-Do.  
(sumber: [www.japanlifestyle.jpg.com](http://www.japanlifestyle.jpg.com))

<sup>120</sup> M.Rajendran, *op. cit.*, hal 50.

Okinawa merupakan sebuah pulau kecil dalam lingkaran modenisasi Jepun. Ia adalah pulau utama dalam rantaian pulau-pulau Ryuku yang tersebar dari Jepun ke Taiwan. Ia adalah dikelilingi oleh batu-batu karang dan mempunyai keluasan 10 km<sup>2</sup> (6 batu) dan panjang lebih kurang 110 km (kurang dari 70 batu). Ia terletak 400 batu nautika ke timur tanah besar China, 300 batu nautika ke selatan tanah besar Jepun. Ini bersamaan dengan utara Taiwan. Memandangkan kedudukannya dalam laluan perdagangan, ia merupakan satu kawasan peristirahatan bagi orang-orang Jepun. Kemudiannya Okinawa berkembang sebagai pusat perdagangan Asia Selatan, perdagangan antara Jepun, China, Indo-China, Thailand, Malaysia, Borneo dan Filipina.

Pada peringkat awal, karate dikenali sebagai seni mempertahankan diri melalui pelbagai jenis perlawanan tangan diperkembangkan di Okinawa dan dikenali sebagai ‘Te’ atau ‘hand’. Dalam sejarah pengharaman senjata yang dilakukan di Okinawa menyebabkan penggunaan serangan tangan berleluasa dan dengan sebab ini ia menjadi tradisi dan latihannya dirahsiakan sehingga ke zaman ini (moden). Perkembangannya seterusnya dipengaruhi oleh beberapa seni pertahanan diri yang dibawa masuk oleh bangsawan dan pedagang-pedagang ke pulau itu<sup>22</sup>.

‘Te’ berkembang dengan pesatnya di tiga bandar terkenal di Okinawa iaitu Shuri, Naha, dan Tomari. Bandar-bandar ini dihuni oleh pelbagai lapisan masyarakat seperti raja-raja dan bangsawan, pedagang dan peniaga serta petani dan nelayan. Dengan sebab ini seni mempertahankan diri berkembang mengikut jenis lapisan masyarakat yang

---

<sup>22</sup> M. Rajendran, *op. cit.*, hal. 54.

rendami bandar-bandar tersebut. Di bandar-bandar tersebut seni mempertahankan diri ini dikenali dengan nama ‘Shuri-te’, ‘Naha-te’, dan ‘Tomari-te’ tetapi lebih dikenali dengan gelaran Okinawa-te atau ‘tode’ (Chinese hand).

Karate terbahagi kepada dua kumpulan iaitu Shorin-yu yang berkembang disekitar Shuri dan Tomari dan Shorei-yu yang datang dari kawasan Naha. Bandar Shuri, Tomari terletak berhampiran dengan Naha. Perbezaan di antara Shorin-yu dan Shorei-ryu ialah Shorin-yu merupakan satu gerakan yang cepat dan lineal dengan pernafasan biasa manakala Shorei-ryu adalah satu gerakan yang stabil dan panjang dengan cara pernafasan mengikut setiap gerakan. Kedua-dua gaya asas dan konsep ini mempunyai ciri-ciri persamaan dengan kung-fu.

Tulisan cina yang digunakan untuk menulis ‘tode’ juga disebut ‘kala’ dengan itu nama ‘tode’ telah bertukar menjadi ‘kara te – jutsu’ (seni tangan cina) oleh pakar-pakar di Okinawa. Tidak lama kemudian ia bertukar menjadi ‘karate-do’ oleh Gichin Funakoshi yang diambil sempena maksud lain bagi perkatan ‘kara’ itu kosong (empty). Dari itu, karate bermaksud tangan kosong (empty hand) iaitu tidak menggunakan sebarang senjata. ‘Do’ pula bermaksud laluan atau jalan, dengan ia memberi falsafah karate dengan moral dan idea kerohanian. Konsep ‘do’ telah tersebar sejak dari hari Okinawa Scholar Teijunsaku dilahirkan pada tahun 1663 dan menulis sebuah puisi. “No matter how you may excel in the art of te, and in your scholastic endeavours, nothing is more important than your behavior and your humanity as observed in daily life”.<sup>23</sup>

---

<sup>22</sup> Ibid., hal. 62.

Demonstrasi karate di khayalak ramai yang pertama di Jepun ialah pada tahun 1917 yang dilakukan oleh Gichin Funakoshi di Butoku-den, Kyoto. Ia amat dikagumi oleh ramai masyarakat Jepun temasuk putera mahkota Jepun iaitu Hirohito. Pada tahun 1922 dari Jano Kano, pengasas seni Judo, menjemput Funakoshi untuk mendemonstrasikan karate di tempat yang begitu terkenal iaitu Kodokan Dojo dan masih berada di Jepun untuk mengajar seni Karate.

Hari ini terdapat empat gaya utama karate-do di Jepun iaitu Gojo-ryu, Shito-ryu, Shotokan dan Wado-ryu. Gojo-ryu adalah sebahagian daripada Naha-Te, ia bermula terkenal dengan kejayaan Kanryo Higaoma. Higaoma mengasaskan dajo di Naha menggunakan lapan gaya yang dibawa dari negara China. Murid beliau yang terbaik ialah Chojun Miyagi akhirnya menjumpai Goju-ryu (cara kasar dan lembut) pada tahun 1930. Goju-ryu menekankan pengabungan pusingan pertahanan yang lembut dengan serangan yang kuat dan cepat dijalankan berulang-ulang.

Shito-ryu diperkenalkan oleh Kenwa Maburi (1889-1952) pada tahun 1928 dan dipengaruhi oleh kedua-dua Naha-te dan Shuri-te. Perkataan shito dibentuk dari gabungan tulisan Jepun yang menggabungkan nama-nama tenaga pengajar Maburi iaitu Ankoh Hosu dan Kanryo Higaonna<sup>24</sup>.

Shotokan diasaskan oleh Gichin Funakoshi (1868-1957) di Tokyo pada tahun 1938. Beliau juga merupakan pengasas kepada karate moden. Beliau dilahirkan di

---

<sup>23</sup> Laporan akhbar , Putera Takamado, Global Forum for Sport and Environment, Tokyo - IOC's World Conference on Sport and Environment, (Nagano: United Nations Environment Programme (UNEP) and the Global Sports Alliance (GSA), Japan 1-4 November 2001), hal.1.

Okinawa dan mula mempelajari karate bersama-sama dengan Yatsutsune Azato seorang pakar seni mempertahankan diri di Okinawa. Pada tahun 1921, buat pertama kalinya Funakoshi memperkenalkan karate di Tokyo. Ketika usianya 70 tahun, Funakoshi membuka satu dewan latihan untuk karate. Dojo kemudiannya dikenali sebagai shotokan sempena nama yang digunakan oleh Funakoshi ketika menulis puisi pada zaman mudanya. Karate shotokan mempunyai ciri yang sangat kuat seperti teknik linear dan kekuatan dalaman.

Wado-ryo iaitu jalan keharmonian diasaskan pada tahun 1939 ialah salah satu cabang karate yang diambil dari jujitsu dan karate oleh Hienoni Otsuka yang diajar oleh Gichin Funakoshi. Gaya ini adalah gabungan pergerakan jujitsu dengan teknik mengelak yang amat menekankan kelembutan dan keharmonian atau kerohanian.

#### 5.4.1.3 IAIDO

Iaido merupakan satu seni melukis dan menyerang dengan pedang. ‘Iai’ bermaksud gabungan huruf-huruf, ‘i’(ru) pula bermaksud dalam keadaan sentiasa duduk dan ‘a’ (u) bermaksud pertemuan.

Iaidoka dan Kendoka mempunyai dan menggunakan pedang bukan sahaja untuk mengawal lawan mereka tetapi untuk mengawal diri mereka sendiri. Iaido selalunya dipersembahkan secara solo dalam siri ‘kata’. Ia menggunakan pelbagai teknik untuk menumpas seorang atau lebih musuh melalui imaginasi.

Setiap ‘kata’ bermula dan berakhir dengan pedang yang disarung. Tambahan pula, teknik pedang memerlukan imaginasi dan konsentrasi di dalam mengekalkan perasaan pertarungan yang benar dan menyimpan ‘kata’ dengan baik. Iaidoka sering diminta berlatih kendo untuk mengekalkan perasaan perlawanan.

Di samping mempersesembahkan ‘kata’ dengan betul, iaidoka juga belajar tentang postur dan pergerakan, mencengkam dan mengayun. Kadang-kadang, iaidoka akan berlatih kendo ‘kata’ atau kenjutsu ‘kata’. Tidak seperti kendo, iaido tidak pernah dilatih dalam keadaan yang mencederakan orang.

#### 5.4.1.4 IAIJUTSU.

Iaijutsu merupakan satu seni membunuh dalam pertarungan. Iaijutsu mengajar bagaimana untuk bertarung dengan cepat dan dalam keadaan mengalahkan lawan dengan akhirnya membunuh lawan tersebut.

Seitei-gata iaido merupakan satu meditasi pergerakan. Cara pertarungan mestilah berhati-hati dan tersusun rapi. Ini adalah teknik yang diperakukan oleh Persatuan Seni Pertahanan Diri Jepun.

Iaijutsu berbeza dengan kendo kerana kendo berasal dari kenjutsu. Iaijutsu lebih secara langsung kepada paksaan, kurang mengambil berat terhadap kemahiran dan lebih kepada mengalu-alukan pihak lawan.



Judo juga adalah antara seni pertahanan diri Jepun yang popular hingga ke peringkat antarabangsa.  
(sumber: [www.japan\\_photogallery.jpg.com](http://www.japan_photogallery.jpg.com))

#### 5.4.2 Adat Resam dan Kebudayaan Jepun


##### **MAKANAN DAN MINUMAN ORANG JEPUN.**

Seperti di negara-negara lain, Jepun juga mempunyai makanan yang tersendiri yang menjadi kegemaran rakyatnya. Biasanya hidangan segar amat penting bagi hidangan orang Jepun. Nasi merupakan makanan utama orang Jepun.<sup>25</sup> Orang Jepun biasanya akan makan tiga kali sehari iaitu pada waktu pagi, tengah-hari di mana orang

---

<sup>25</sup> Azhar Hj. Mad Aros (et. al), Titas Kertas 2, Penerbit Fajar Bakti,2001, hal. 312.

Jepun hanya memakan hidangan ringan dan makan malam. Makan malam orang Jepun dihidangkan dengan pelbagai makanan dan merupakan acara harian yang paling penting bagi orang Jepun.<sup>26</sup> Antara hidangan yang amat digemari oleh orang Jepun ialah sushi iaitu hirisan ikan mentah yang dibalut dengan nasi dan cuka, *yakitori* iaitu hidangan daging lembu yang dimasak dengan sayur dan tauhu dalam periuk yang bertangkai panjang, tempura iaitu cucur sayur dan makanan laut yang digoreng ( Lihat gambar 1). Makanan sampingan orang Jepun adalah mihun dan gandum.<sup>27</sup>



Shushi adalah makanan utama masyarakat Jepun.  
( sumber: [www.japanstyle.com.jpg](http://www.japanstyle.com.jpg))

<sup>26</sup> *ibid*, ms 316

<sup>27</sup> Boye Lafayette, *Japan Made Easy*, 2<sup>th</sup> edition, Passport Book, 1995, hal. 107.

Terdapat beberapa adab yang menjadi amalan orang Jepun ketika makan. Ketika memakan nasi, nasi yang dihidangkan di dalam mangkuk perlulah dihabiskan. Jika tidak, ia akan menandakan orang yang memakan nasi itu mahu menambah lagi makanan. Begitu juga dalam memakan sup, oleh kerana sup di Jepun mempunyai banyak bahangan sampingan seperti ayam, sayur dan sebagainya, orang Jepun akan menganggap lebih sopan jika kita mendekatkan mangkuk dengan kedua-dua belah tangan ke mulut. Orang Jepun akan berhenti makan dan meletakkan chopstik mereka apabila makanan lain dihidangkan sebagai tanda hormat.<sup>28</sup> Adalah menjadi amalan orang Jepun untuk mendahuluikan orang yang lebih tua atau berpengaruh makan dahulu.


Pada majlis-majlis tertentu, makanan menjadi tidak lengkap tanpa alkohol seperti o'sake. Selalunya alkohol diminum sebelum makanan dihidang. Apabila makanan dihidang, serta-merta orang Jepun akan berhenti minum. Selalunya di majlis-majlis rasmi, makanan dibiarkan tanpa disentuh selama setengah jam. Pada masa dahulu, di suatu majlis, nasi dihidangkan kemudian berbanding makanan lain.

Terdapat beberapa jenis restoran di Jepun yang tetap mengekalkan ciri-ciri tradisional di mana restoran itu tidak menyediakan kerusi. Orang Jepun yang makan di restoran ini akan duduk di lantai atau di meja yang rendah. Bagi orang Jepun yang tidak mampu duduk tanpa bersandar, satu bangku yang mempunyai penyandar yang dipanggil “zaisu” akan disediakan. Selalunya kebanyakan restoran di Jepun mengekalkan bentuk tradisional pada pintunya (Lihat gambar 2). Di restoran Jepun juga, air tidak disediakan, jadi air hanya akan disediakan apabila diminta.

---

<sup>28</sup> Ibid.

Selain mempunyai makanan yang istimewa, orang Jepun juga mempunyai minuman yang istimewa iaitu teh hijau. Ia selalu disajikan selepas makan atau semasa perjumpaan. Teh hijau juga dikenali sebagai “ocha”. Ocha biasanya diminum tanpa mencampurkan dengan ramuan lain mahupun gula. Teh hijau tanpa gula biasanya diminum pada upacara minum teh. Upacara minum teh dilakukan sejak 800 tahun yang lalu dan ia dikenali sebagai “chanoyu”. Orang Jepun mempercayai teh ini dapat memberikan mereka tumpuan yang penuh semasa meditasi di mana ritual dikembangkan melalui perkongsian dalam meminum teh.<sup>29</sup> Pada hari upacara minum teh, tuan rumah akan menyediakan teh dan sedikit manisan (Lihat gambar 3) . Upacara ini selalunya dilakukan secara sederhana sahaja.



Masyarakat Jepun amat meminati makanan segera. Ini adalah kenderaan yang digunakan untuk penghantaran Pizza.  
 ( sumber: [www.japanlifestyle.com](http://www.japanlifestyle.com))

---

<sup>29</sup> H.Paul Varley, *Japanese Culture Third Edition*, University Of Hawai Press, 1984, hal. 112.

Meminum alkohol adalah cara orang Jepun untuk memperkuatkan hubungan. Apabila orang Jepun diajak meminum alkohol seperti saka-zuki dan O'sake, mereka akan menganggap orang yang diajak untuk minum sebagai tidak sopan jika menolak ajakan tanpa sebarang sebab.<sup>30</sup> Orang Jepun boleh bertoleransi dengan orang Jepun yang melakukan kesalahan kerana mabuk.<sup>31</sup> Jika orang Jepun merasakan minuman keras yang diminum sudah mencukupi, mereka akan terbalikan gelas mereka.



McDonalds di Jepun  
( sumber: [www.japanstyle.com](http://www.japanstyle.com))

<sup>30</sup> Boye Lafayette, *Japan Made Easy*, 2<sup>th</sup> edition, Passport Book, 1995, hal. 107.

<sup>31</sup> Azhar Hj. Mad Aros et. al, *Titas Kertas 2*, Penerbit Fajar Bakti, 2001, hal. 317.

## PAKAIAN ORANG JEPUN.

Walaupun masyarakat Jepun sering dikaitkan dengan pemakaian kimono, namun hakikatnya orang Jepun masa kini lebih gemar memakai pakaian yang kasual dan moden.<sup>32</sup> Pada majlis-majlis dan perayaan tertentu seperti majlis konvokesyen, pada Tahun Baru dan sebagainya, orang Jepun akan memakai kimono. Muda-mudi Jepun juga akan memakai kimono apabila menyambut Majlis Alam Remaja yang disambut pada 15 Januari setiap tahun. Muda-mudi Jepun hanya akan menyambut perayaan ini apabila umur mereka mencecah 20 tahun (Lihat rajah 4).



Kimono adalah pakaian tradisi masyarakat Jepun.  
(sumber: [www.japanstyle.com](http://www.japanstyle.com))

<sup>32</sup> Azhar Hj. Mad Aros et. al, *Titas Kertas 2*, Penerbit Fajar Bakti, 2001, hal. 315.

Kimono sebenarnya diperbuat daripada kain sutera yang mahal. Selalunya kimono akan dijaga dengan baik dan diwariskan dari ibu ke anak perempuan dan dari bapa ke anak lelaki. Ia dipakai dengan melilit kain pada sekeliling badan dan diikat dengan bengkung lebar yang dipanggil “obi”.<sup>33</sup> Orang Jepun biasanya mengambil masa yang lama untuk belajar cara memakai kimono dan “obi” yang betul. Selalunya cara pemakaiannya diajar dari orang yang lebih tua dan berpengalaman.

Masyarakat Jepun biasanya tidak menggunakan kasut dan stokin apabila memakai kimono. Mereka biasanya memadankan kimono mereka dengan terompah kayu yang tinggi di panggil “zori”. Stokin kapas khusus yang dipanggil “tabi” dipakai dengan belahan antara ibu jari kaki dengan jari kaki kedua untuk diikat pada tali sandal.<sup>34</sup>

Untuk majlis perkahwinan menurut ajaran Shinto, pengantin akan memakai kimono dengan lencana keluarga. Pengantin lelaki akan memakai seluar lebar (hamaka) dengan jeket lebar (haori) di sebelah luar kimono. Pengantin perempuan pula akan memakai kimono hitam berlencana keluarga dan memakai tudung berwarna putih.<sup>35</sup>

(Lihat rajah 5)

Selain kimono orang Jepun juga memakai yukata. Yukata merupakan jubah ringkas yang diperbuat daripada kain kapas yang ringkas. Yukata selalunya dipakai oleh

---

<sup>33</sup> *Panorama Jepun Jilid Tiga*, Urban Connection Inc, 1995, hal. 24.

<sup>34</sup> *ibid.*, hal. 25.

<sup>35</sup> *ibid.*, hal. 26.

Orang Jepun di waktu pesta musim panas. Yakuta juga sesuai dipakai untuk pakaian istirehat dan selepas mandi.

### KEDIAMAN ORANG JEPUN.

Walaupun sekarang Jepun telah mengalami permodenan, rumah-rumah tradisional Jepun masih boleh di dapati terutamanya di luar bandar. Rumah tradisional Jepun diperbuat daripada kayu dan tanah liat yang berbungkungkan ubin. Rumah tradisional biasanya lebih besar daripada rumah moden di mana rumah tradisional biasanya dilengkapi oleh bilik upacara keagamaan.<sup>36</sup>

Oleh kerana musim di Jepun bercuaca panas dan lembap, rumah-rumah Jepun dibina dengan beberapa ciri khas terutamanya tentang pengaliran udara. Bilik di rumah orang Jepun biasanya dilengkapi dengan pintu yang boleh disorong tarik.<sup>37</sup> Pintu ini boleh menukarkan satu bilik menjadi dua bilik besar. Orang Jepun memanggil pintu masuk ke dalam rumah sebagai genkan. Di rumah tradisional Jepun hanya beranda dan dapur sahaja beralaskan kayu manakala bilik-bilik lain beralaskan tatami iaitu tikar anyaman.<sup>38</sup> Apabila memasuki rumah orang Jepun, selipar atau kasut hendaklah ditanggalkan terlebih dahulu dan memakai selipar yang disediakan (Lihat rajah 6). Apabila memasuki bilik tatami pula, selipar tadi hendaklah ditanggalkan. Pada waktu siang, bilik tidur akan menjadi bilik tamu atau ruang makan.

---

<sup>36</sup> Boye Lafayette, *Japan made easy-2<sup>th</sup> edition*, Passport Book, 1995, hal. 186.

<sup>37</sup> H. Paul Varley, *Japanese Culture Third edition*, University Of Hawai Press, 1984, hal. 113.

<sup>38</sup> <sup>37</sup> *ibid.*

Oleh kerana Jepun mengalami musim sejuk, bilik-bilik di rumah orang Jepun akan dipanaskan dengan menggunakan alat pemanas. Selain itu, orang Jepun menggunakan cara tradisional untuk memanaskan badan iaitu dengan menggunakan kotatsu iaitu sejenis meja rendah yang mempunyai alat pemanas di bawahnya dan dialas dengan kain tebal (Lihat rajah 7). Orang Jepun juga akan duduk di atas kusyen empat segi yang dikenali dengan nama Zabuton dengan kaki dimasukkan di bawah kain tebal.

Kebiasaannya orang Jepun mempunyai bilik mandi khas yang dipanggil ofuro. Di bilik mandi ini di sediakan sebuah kolam untuk mandi. Air yang disediakan di dalam kolam adalah kegunaan seisi keluarga.

### **KESENIAN ORANG JEPUN.**

Orang Jepun mewarisi seni persembahan yang unik daripada nenek moyang mereka. Orang Jepun amat meminati teater. Terdapat tiga jenis teater tradisional. Teater yang tertua sekali dikenali sebagai *noh* di mana teater ini akan mempersesembahkan lakonan dengan memakai topeng dan pakaian lama. Dialongnya dinyanyikan dan pergerakan lakonan sangat perlahan. Teater *Kabuki* pula berkembang pada abad ke-17. Teater ini banyak menggunakan pelbagai aksi yang menarik dan pertempuran. Set hiasan pentasnya juga menarik. *Bunraku* ialah sejenis teater boneka. Bentuk boneka direka separuh daripada tubuh manusia.<sup>39</sup> Boneka digerakkan oleh tiga orang pemain

---

<sup>39</sup> H Paul Varley, *Japanese Culture third Edition*, University of Hawai Press, 1984, hal. 167.

boneka. Persembahannya selalunya terlalu emosional. Pada masa sekarang, teater moden juga popular di kalangan penduduk Jepun. Karya-karya daripada penulis luar negara menarik perhatian mereka. Sastera klasik orang Jepun lebih tertumpu kepada puisi seperti *Man'yoshu*, epik lama seperti *The Tale Of Genji* dan eseи seperti *The Pillow Book Of Sei Shonago* yang biasanya menceritakan tentang kehidupan rakyat Jepun dahulu kala.<sup>40</sup> Tradisi rakyat Jepun masih lagi bertahan hingga kini. Lagu rakyat, muzik instrumental dan tarian masih lagi digemari. Muzik instrumental rakyat iaitu paluan gendang besar (wadaiko) dan tarian rakyat menjadi perhatian apabila sesuatu festival diadakan. Antara muzik tradisional Jepun yang dimainkan ialah *Samiken*, *Shahachi* dan sebagainya.



Bunraku adalah sejenis senis teater masyarakat Jepun.  
(sumber: [www.japantheater.com](http://www.japantheater.com))

<sup>40</sup> *ibid*, hal. 61.

Orang Jepun amat berbakat di dalam kesenian. Gaya lukisan orang Jepun berbeza dengan negara lain. Biasanya orang Jepun akan menggunakan percetakan blok kayu yang dipanggil *Ukiyoe*. *Ukiyoe* biasanya mengambarkan tentang pemandangan, kehidupan sehari-hari dan dunia teater.<sup>41</sup> Ia juga mengisahkan tentang zaman-zaman yang ada di Jepun. Sesetengah penduduk Jepun menggunakan teknik ini untuk mencipta kad tahun baru. Salah satu contoh *ukiyoe* ialah lukisan “Tiga puluh enam Pemandangan Gunung Fuji”.



Salah satu aktor dalam drama Kabuki  
 ([www.guide to Japan.com./Tanabata Festival Information.htm](http://www.guide-to-japan.com/Tanabata-Festival-Information.htm))

---

<sup>440</sup> *ibid*, hal. 159.

Pertukangan juga merupakan kepakaran bagi orang Jepun. Tukang kayu Jepun menggunakan kaedah pembinaan tanpa paku. Seni bina tradisional masih dikekalkan di tempat-tempat suci mereka. Ukiran juga merupakan seni tradisional mereka. Ukiran sangat penting untuk menghias tempat suci.<sup>42</sup> Orang Jepun selalunya mengukir dulang, patung *kokeshi* dan barang permainan. Selain ukiran, orang Jepun juga mahir menenun dan membuat seramik. Seramik yang dicipta oleh masyarakat Jepun mempunyai corak yang menarik. Kebiasaan seramik direka merupakan tembikar dan mangkuk yang digunakan untuk majlis jamuan teh. Penenunan yang dilakukan oleh orang Jepun diiktiraf sebagai Harta Kebangsaan.<sup>43</sup> Warna merah dan hitam dianggap sebagai warna tradisional.

---

<sup>41</sup> Panorama Jepun Jilid Tiga, Urban Connection Inc.,1995, hal. 33.


<sup>42</sup> *ibid*, hal. 33.



Gambar pakaian wanita Jepun dalam bentuk lukisan.  
(sumber: [www.guide to Japan.com./hinadan.htm](http://www.guide to Japan.com./hinadan.htm) )

Orang Jepun juga gemar menggubah bunga. Bagi masyarakat Jepun mengubah bunga dapat melambangkan makna yang tertentu. Gubahan bunga di panggil *ikebana* di Jepun (Lihat gambar 11). Ia telah bermula sejak abad ke-15 lagi. Gaya ikebana melambangkan falsafah-falsafah yang berbeza. Gubahan bunga mengikut peraturannya mewakili syurga, bumi dan manusia.<sup>44</sup>

<sup>44</sup> *ibid*, hal. 34.



Origami adalah seni melipat kertas yang popular di Jepun.  
 (sumber: [www.japangallery.jpg.com/oss\\_html](http://www.japangallery.jpg.com/oss_html))

Melipat kertas atau *origami* menjadi kesukaan bagi orang Jepun. Mereka akan melipat kertas yang berbentuk empat segi dan menjadikannya kepada pelbagai bentuk. Bentuk-bentuk ini dipanggil origami di Jepun. Bentuk yang selalu digunakan oleh orang Jepun dalam origami ialah bentuk binatang. Binatang seperti anjing, burung dan gorilla dapat dibuat dengan hanya menggunakan sekeping kertas. Orang Jepun juga mempercayai jika terdapat seseorang rakan atau saudara-mara sakit tenat, mereka akan melipat seribu burung jinjang kertas sebagai doa supaya pesakit diberi ketenangan dan pemulihan.<sup>144</sup>

### **PEMBERIAN HADIAH**

Pemberian hadiah dapat mengeratkan silaturahim antara penduduk Jepun. Penduduk Jepun selalunya akan memberi hadiah pada majikan, guru, doktor , pasangan

---

<sup>144</sup> *ibid*, hal. 35.

pengantin baru dan sebagainya. Selain itu, terdapat dua musim di mana orang Jepun akan memberi hadiah iaitu semasa pertengahan tahun (O-Chugen) dan semasa akhir tahun (O-Seibo)<sup>145</sup>.

Terdapat pelbagai hadiah yang diberi oleh orang Jepun. Apabila orang Jepun melawat rumah seseorang hadiah yang selalu diberi ialah buah-buahan, kek, coklat dan sebagainya. Jika orang Jepun melawat ke suatu tempat yang jauh mereka akan membeli barang yang popular (meibutsu) di tempat yang dilawati sebagai hadiah. Selain daripada barang-barang, orang Jepun juga memberi wang sebagai hadiah. Contohnya pada tahun baru orang Jepun akan memberi wang kepada kanak-kanak. Pemberian ini dikenali sebagai *Otoshi Dama*.<sup>146</sup>

Orang Jepun juga akan memberi duit pada majlis-majlis tertentu. Duit yang diberi selalunya disertakan dengan *shin satsu* atau “new bills”. Sampul surat yang digunakan untuk memberi wang mestilah betul dengan majlis yang diadakan kerana sampul surat yang digunakan oleh orang Jepun berbeza pada setiap majlis. Begitu juga dengan pembalut hadiah. Apabila memberi wang, adalah lebih baik memberi wang di dalam nombor ganjil seperti tiga, lima dan tujuh. Ini kerana nombor ganjil dapat mengelakkan kecelakaan.<sup>147</sup><sup>84</sup>

---

<sup>145</sup> Boye Lafayette, *Japan made easy-2<sup>th</sup> edition*, Passport Book, 1995, hal. 184.

<sup>146</sup> *ibid*, hal. 184.

<sup>147</sup> *ibid*, hal. 185.

<sup>147</sup> *ibid*, hal. 185.

Untuk penduduk Jepun yang baru berpindah, *furoshiki* akan diberi. *Furoshiki* merupakan kain tradisional yang diperbuat daripada kain sutera atau kain kapas. Kain ini akan dibungkus, diikat dan diputar untuk kelihatan lebih menarik. *Furoshiki* diberi untuk mengeratkan hubungan dengan penduduk baru di samping dapat berkenalan antara satu sama lain.

### **KELUARGA DAN PERKAHWINAN.**

Kebanyakan orang Jepun mempunyai keluarga yang kecil di mana mereka hanya mempunyai satu atau dua orang anak. Adakalanya pasangan berkahwin tidak mahu mempunyai anak. Oleh itu, hubungan kekeluargaan bagi orang Jepun sangat rapat. Terdapat keluarga di Jepun tinggal bersama-sama nenek dan datuk mereka selain ibu bapa mereka.<sup>85</sup> Walau bagaimanapun terdapat juga golongan tua yang tinggal bersendirian semasa tua. Di dalam keluarga Jepun, bapa memainkan peranan dalam membesarkan anak dan memikul tanggungjawab lain di rumah. Cara pemikiran orang Jepun mengelaskan kaum keluarga mereka dan sahabat sebagai orang dalam, jadi mereka gemar berbincang pendapat, masalah dengan orang dalam.<sup>86</sup> Namun dalam mengeluarkan pendapat, orang Jepun selalunya mengambil kira hati dan perasaan orang lain.


Pada zaman moden ini, ramai remaja Jepun berkahwin lambat iaitu di sekitar umur 29 tahun. Ini kerana muda-mudi zaman kini lebih mementingkan kerjaya.

---

<sup>85</sup> *Panorama Jepun*, Urban Connection Inc., 1995, hal. 12.

<sup>86</sup> Azhar Hj Mad Aros et. al, *Titas Kertas Dua*, Fajar Bakti, 2000, hal. 313.

Perkahwinan bagi orang Jepun hanya penting untuk mengeratkan kasih sayang. Namun begitu, perkahwinan yang dijalankan di Jepun masih mengikut adat dan upacara keagamaan. Pasangan yang baru berkahwin biasanya akan melaporkan tentang kehidupan perkahwinan mereka kepada nenek moyang mereka di *altar* (tempat pemujaan) agama Buddha milik mereka.<sup>87</sup> Pasangan yang baru berkahwin juga akan melawat tempat-tempat suci ketika berbulan madu. Ini biasanya dilakukan oleh pasangan pengantin yang beragama Shinto dan Buddha.



Pakaian majlis perkahwinan  
(sumber: [www.gotojapan.com](http://www.gotojapan.com))

---

<sup>150</sup> *ibid*, hal. 314.

## PERAYAAN-PERAYAAN DI JEPUN MENGIKUT BULAN

### JANUARI

Osaka, Tooka Ebisu, 10 Januari.

*Naniwa* adalah popular sebagai daerah peniaga atau pemberong di Bandar Osaka. Tahun Baru bersempena *naniwa* bermula dengan perayaan ini. Kaum perempuan yang bertuah menjual daun buluh dengan harapan perniagaan akan baik. Perempuan geisha atau gadis Jepun yang dilatih untuk melayani orang lelaki dengan perbualan, tarian atau nyanyian berada di Palanquins parade di tepi jalan.

### FEBRUARI

Sapro, perayaan salji atau ‘snow festival’ 5-11 Februari

Ada seratus tujuh puluh(170) patung salji sepanjang jalan utama. Ini adalah perayaan salji yang terbesar di Jepun. Patung salji yang paling tinggi adalah setinggi 15 meter. Pada waktu malam, lampu-lampu dipasang. Keadaan ini mewujudkan satu suasana yang romantik di sana.

**MAC**

Tokyo, Hina Matsuri, 3 Mac

Pada 3 Mac adalah Hari kanak-kanak perempuan atau disebut juga “*Girl Festival*”. Orang ramai akan bersempayang untuk kesihatan yang baik dan untuk pertumbuhan yang baik bagi perempuan. Pelbagai kawasan di jepun, merayakan perayaan ini. Di kuil ini, perempuan menyamar sebagai ‘Hina-dolls’ dan menyanyi lagu.

**APRIL HNGGA MEI**

Nagano, onbashira

Perayaan ini adalah suatu perayaan yang berani di mana ia akan dirayakan enam tahun sekali mengikut tahun harimau dan tahun monyet berdasarkan kalender zoo china. Pokok-pokok yang besar ditebang dari gunung untuk membina tiang tegak mengelilingi empat penjuru di Suwa Shrine. Dari sudut pandangan adalah seperti orang duduk di atas pokok yang besar dan mengelungsur dari gunung.

**MEI**

Tokyo, Sanja Festival atau Perayaan Sanja (4 hari dalam pertengahan bulan Mei)

Perayaan Sanja adalah perayaan yang mewakili bandaraya di Tokyo. Perayaan Sanja ini telah dirayakan lebih daripada 200 tahun. Terdapat 3 patung dewa yang mudah digerakkan, dibawa dari kawasan perarakan iaitu dari Sensau Shrine dan 80 patung dewa yang mudah digerakkan mengikut perarakan ke 44 daerah di kawasan Asakusa.

**JUN**

Hirosha, ‘Rice Planting Festival atau Perayaan menanam padi 1 Jun, Ahad Di Jepun, bulan Jun adalah musim untuk menanam padi. Ada banyak perayaan menanam padi yang dirayakan di Jepun. Di pekan Mibu, perempuan saotome menyanyi lagu untuk menanam padi dengan harapan ia akan membawa hasil penuaan beras yang baik pada musim ke tiga atau musim luruh.

## JULAI

### Kyoto, Gion Festival atau Perayaan Gion, 17 Julai

Perayaan Gion ini adalah salah satu perayaan terbesar di antara tiga perayaan di Jepun. Perayaan ini diikuti bersama lebih dari 1,100 tahun. Asalnya perayaan ini adalah untuk menghalau penyakit-penyakit seperti penyakit dirasuk hantu. 17 Julai adalah klimaksnya. Sedozen perarak yang terserlah membanjiri Bandar Kyoto. Rumah lama di Kyoto menunjukkan warisan kekayaan kepada orang ramai.

## OGOS

### Aomori, Nebuta, 3-5 Ogos

Nebuta adalah perayaan musim ke dua atau musim panas. Perayaan Nebuta ini adalah untuk mencegah daripada rasa mengantuk semasa musim panas. Penari-penari akan menjerit “Rassera Rassera Rasse Rasse...” dan tanglung yang besar diberikan kepada pahlawan-pahlawan yang letih untuk berarak mengelilingi Bandar.

## SEPTEMBER

Toyama, Kaze No Bon, 20 Ogos hingga 3 September

Lagu Owara yang digubal sendiri oleh masyarakat adalah lagu yang terkenal di Toyama. Iramanya adalah lembut dan lunak serta ditarikan dengan gerakan tangan yang lemah lembut. Orang bandar memakai pakaian kimono kapas dan menari mengelilingi Bandar. Muzik gesekan China adalah sangat menarik.

## OKTOBER

Nyogo, Nada Fighting Festival, 14 Oktober

Perayaan ini dikenali sebagai kejayaan melagakan patung dewa yang mudah digerakkan bertubi-tubi di antara satu sama lain. Dajiri muncul dengan bunyi dram dan selepas itu 3 patung dewa berlaga di antara satu sama lain. Lebih banyak berlaga di antara satu sama lain, tuhan akan mendatangkan kegembiraan dan membawa nasib baik kepada Bandar tersebut.

## NOVEMBER

Saga, Karatsu Kunchi, 2 hingga 4 November

Perayaan Nagasaki Okunichi dirayakan pada bulan oktober. Bulan November pula adalah bulan Karatsu Kunchi. Perayaan ini menjelaskan tentang seni kraf singa gergasi yang diselaputi dengan emas, ikan yu pembunuhan, dan pelindung kepala peperangan. Perayaan ini diikuti lebih dari 300 tahun.

## DISEMBER

Saitama, Chichibu Night Festival, 2 hingga 3 Disember

Dalam kehidupan masyarakat Chichibu, Kabuki dipersembahkan di atas kereta berhias yang hebat. Pada waktu petang, 4 kereta berhias akan dipasang lampu. 18000 tembakan bunga api akan bergemerlapan di langit. Ukur lilit bunga api yang paling besar adalah berdiameter 310 meter.

## PERAYAAN “TANABATA”

Perayaan yang sangat terkenal di Jepun adalah perayaan Tanabata Matsuri. Perayaan “Tanabata (seven evenings)” akan dirayakan pada setiap 7 Julai dalam setahun. Hari itu adalah hari di mana Orihime dan Hikoboshi berjumpa di antara satu sama lain dalam setahun menerusi Milky way iaitu sistem kosmos atau sistem bintang.



Perayaan keagamaan yang disambut oleh penganut Shinto.  
[www.guide to Japan.com./Tanabata Festival Information.htm](http://www.guide to Japan.com./Tanabata Festival Information.htm))

Mengikut lagenda, ada seorang puteri yang bernama Orihime yang mewakili bintang *Weaver* atau *Vega* suka menjahit. Hikoboshi pula adalah seorang lelaki yang mewakili bintang *Altair* (bowhead) menternak ternakan seperti lembu dan kerbau di

syurga. Pada hari peringatan, mereka akan merayakan dengan mencipta patung-patung binatang ternakan yang kecil. Patung-patung ini diperbuat daripada hasil pertanian yang pertama sekali dituai pada musim tersebut.

Pada hari tersebut, mereka memperoleh hasil tuaian musim panas lebih awal. Mereka memotong kayu penyepit makanan dan mencucukannya ke atas terung, mentimun dan jagung supaya kelihatan seperti kaki seekor lembu dan kuda kenit atau kecil. Patung-patung tersebut diletakkan di bawah pokok buluh. Patung-patung tersebut melambangkan binatang yang berguna untuk pertanian.

Kebanyakan orang menganggap perayaan ini sebagai perayaan pertanian. Sebenarnya ia adalah salah satu perayaan yang penting untuk tahun tersebut. Awal-awal pagi, mereka akan pergi ke ladang sayur-sayuran untuk mengumpul embun pagi yang berbentuk kristal di atas daun tara. Mereka akan mengisar embun tersebut dengan sejenis kayu dakwat (ink stick) untuk menjadikan dakwat India. Dengan menggunakan dakwat itu dengan berus, mereka akan menulis hajat atau permintaan mereka di atas batu yang akan digantung di atas daun buluh dengan harapan tuhan akan mengkabulkan permintaan mereka.

Tujuan perayaan “Tanabata Matsuri” ini adalah untuk memperingati cinta suci antara Orihime dan Hikoboshi yang telah ditentang oleh keluarga kerana kemiskinan Hikoboshi sebagai seorang penternak. Perayaan ini disambut dengan harapan mereka akan dikurniakan kehidupan yang lebih baik pada masa akan datang.

## PERAYAAN “KODOMO NO HI”

Perayaan “Kodomo No Hi” atau perayaan kanak-kanak disambut pada 5 Mei setiap tahun. Perayaan “Kodomo No Hi” ini adalah untuk kanak-kanak lelaki sahaja. Pada hari kanak-kanak ini, kanak-kanak lelaki dipakaikan dengan pakaian samurai ataupun pakaian pahlawan Jepun. Pada hari ini juga, kanak-kanak lelaki dipakaikan dengan topi yang diperbuat daripada kertas.



Perayaan Kodomo No-Hi disambut dengan memakai pakaian yang cantik bagi setiap kanak-kanak.

(sumber : [www.photo-japangallery.com](http://www.photo-japangallery.com))

Pada hari kanak-kanak atau pada perayaan “Kodomo No Hi” ini di hadapan setiap rumah masyarakat Jepun akan dipacakkkan dengan satu bendera. Pada bendera itu, terdapat empat lambang yang membawa maksud yang berlainan.

Lambang bendera pertama menunjukkan lambang keturunan mereka. Lambang bendera kedua pula menunjukkan lambang bapa sebagai ketua keluarga. Bendera ini berwarna hitam. Manakala lambang bendera ketiga menunjukkan lambang ibu. Bendera ini berwarna merah. Dan lambang bendera yang terakhir adalah lambang yang menunjukkan bilangan anak dalam keluarga tersebut. Bendera itu adalah berbentuk ikan. Setiap ekor ikan mewakili seorang anak.

### **PERAYAAN “SHICHIGOSAN”**

“Perayaan “Shichi go san” bermaksud tujuh, lima, dan tiga. Kanak-kanak yang berumur tiga tahun dan tujuh tahun dan kanak-kanak lelaki yang berumur tiga tahun dan lima tahun akan merayakan perayaan ini. Perayaan ini bertujuan mendoakan untuk kesihatan dan pertumbuhan yang baik. Perayaan ini disambut pada 15 haribulan November dan hari itu bukanlah cuti awam. Pada 15 haribulan November, orang-orang muda akan pergi melawat dewa Shinto dengan berpakaian kimono. Nombor ganjil merupakan nombor yang bertuah. Gula-gula (long candies) dihias dan diukir dengan kura-kura dan bangau diberikan kepada kanak-kanak. Simbol gula-gula, kura-kura dan bangau itu merupakan simbol kehidupan yang panjang.

## PERAYAAN “HINA MATSURI”

Perayaan “Hina Matsuri” bermaksud perayaan patung-patung kecil ataupun patung-patung yang kenit. Perayaan “Hina Matsuri” ini adalah perayaan bagi kanak-kanak perempuan. Ia adalah tradisi percintaan 100 tahun yang lalu. Bagi menambahkan keindahan perayaan tersebut, bunga-bunga peach atau pic disusun dengan cantik.



Kuil Yasukuni, iaitu antara kuil yang teragung bagi penganut Shinto.  
[\(www.guide to Japan.com./hoshi.htm\)](http://www.guide to Japan.com./hoshi.htm)

Kek nasi atau ‘rice cakes’ yang berbentuk rombos dan nasi wine manis atau ‘sweet rice wine’ juga akan dihidangkan. Patung-patung lain juga boleh diperagakan bersama dengan patung Hina atau ‘Hina Dolls’. Tahun itu dibahagikan kepada 24 segmens dimana setiap satu musim mempunyai mesej yang tertentu. 3 haribulan Mac

adalah hari perayaan pokok bunga pic atau peach (festival of peach blossoms). Pameran patung-patung tersebut akan berlangsung hampir sebulan.

Pada masa dahulu, 3 haribulan Mac, patung-patung yang dibuat hasil daripada kerja tangan telah dibuang ke dalam sungai. Hari ini patung-patung ini dipakaikan dengan pakaian kimono iaitu seperti dalam era ‘Heian’ dan diturunkan dari generasi ke generasi. Selepas itu, patung-patung itu dihiaskan pada perayaan ini. Patung lelaki dan patung perempuan ditempatkan berdekatan di antara satu sama lain untuk mewakili hajat atau kehendak percintaan mereka.

‘Kokeshi’ iaitu patung-patung perayaan kayu yang diukir (carved wooden dolls) dan patung-patung yang lain ditempatkan bersama. Pada 3 haribulan Mac, mereka akan menjamu “chirashizushi” di mana ia mengandungi “sashimi” atau ikan mentah yang segar dan memakan makanan yang istimewa lain diletakkan di atas “sushi” iaitu sup kepah dan nasi wine manis (sweet rice wine).



Patung kayu yang diukir sebagai karektor dalam drama Jepun.  
 ([www.guide to Japan.com./Festivals Japan.htm](http://www.guide to Japan.com./Festivals Japan.htm))

## 5.5 Kesan Kesenian

### 5.5.1 KESENIAN DAN KEMAHIRAN

#### **ADAT MINUM TEH (cha-no-yu)**

Teh ataupun *O-cha* mulai dikenali pada abad ke 18<sup>45</sup> lagi. Pokok teh berasal dari Yunan. Ia mulai diminum di Jepun pada zaman Heian (794--1185). Teh telah dipopularkan oleh Saichō, Kukai dan sami Buddha yang lain yang telah ke negara China

---


<sup>45</sup> I. Gen, *Pintu Masuk Ke Jepun Penduduk dan Masyarakatnya*, (terj.), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995, hal. 99.

untuk belajar di sana<sup>89</sup>. Teh ini mempunyai 3 jenis iaitu teh hijau ataupun *ryokucha* iaitu sejenis teh ubat yang baik untuk sakit jantung dan kencing manis, teh hitam dan juga teh kuning.

#### **Kama & Furo (Kettle & Brazier):**

The *kama*, which contains the water, is placed on the *furo* to boil. (In the winter, a *ro*, or inset hearth, is exposed by removing part of the floor-boards)

*Mizusashi*: a jug. The water in the *mizusashi* is used to wash the *chawan* (teacup) or poured into the *kama*.



*Kensui*: a pot in which the water used to wash the *chawan* is poured

*Hishaku*: a ladle to pour the water

#### ▲ Cha-no-yu Utensils

Alatan yang digunakan untuk upacara Cha-No-Yu.  
(sumber : [www.tradisional\\_japangallery.jpg.com](http://www.tradisional_japangallery.jpg.com))

Minum teh ini terkenal di China pada masa pemerintahan dinasti Tang (618-907) iaitu dikenali *dancha*. Bagi menghasilkan teh yang enak dan lazat, daun-daun teh yang

---

<sup>152</sup> S. Soshitsu Sen XV, *Chanoyu the Urasenkan Tradition of Tea*, (terj), Weatherhill, Tokyo, 1988, hal. 3.

dipetik itu hendaklah dikukus di dalam periuk, kemudian dijemur kering dan dibakar di atas api dan disimpan di dalam bekas yang ditutup dengan daun buluh<sup>90</sup>.

Minum teh ini tidak berakhir dengan berakhirnya dinasti Tang. Ia masih diteruskan oleh sami buddha, dijadikan sebagai ubat. Pada zaman Heian dan permulaan zaman Kamakura (118--1336), teh biasanya dijadikan minuman dalam majlis jamuan yang dipanggil *naorai* diadakan selepas perayaan keagamaan<sup>91</sup>.

Upacara minum teh adalah satu istiadat yang berkembang pada masa era Sengoku Jidai. Setiap ketua menggalakkan istiadat ini dan ia diadakan secara besar-besaran. Semasa dijalankan istiadat ini beribu-ribu rakyat telah diundang, upacara sebegini pernah dibuat oleh Toyotomi Hideyoshi pada tahun 1587 yang dihadiri oleh rakyat dan bangsawan<sup>46</sup>.

Walau bagaimanapun upacara minum teh ini dikenali pada abad ke 16 oleh Sen no Rikyu (152--911) yang merupakan pakar tentang teh dan telah menulis mengenai teh di dalam penulisannya iaitu:

.....stressed harmony, respect, purity, and tranquility.....<sup>47</sup>

---

<sup>153</sup> *Ibid*, hal. 4.

<sup>154</sup> *Ibid*, hal. 5.

<sup>155</sup> Azhar et al., *op.cit*, hal. 341.

<sup>156</sup> S. Conrad, *A Brief History of Japanese Civilization*, Harcourt Brace College Publisher, USA, 1993, hal. 126.

Sen no Rikyu menjalankan istiadat minum teh dalam masa yang singkat. Upacara minum teh dijalankan di sebuah bilik khas yang dikenali sebagai *chashitsu*. Dalam menjalankan upacara minum teh di dalam bilik yang telah di khaskan ini hanya memuatkan dua atau tiga orang sahaja. Dalam upacara minum teh Sen no Rikyu menyatakan yang ianya mendatangkan sifat rendah diri dan menghormati orang lain<sup>48</sup>.

Upacara minum teh ini seringkali disertai dengan penyusunan bunga iaitu *ikebana*. Ia adalah pusat untuk memahami unsur-unsur lain. Upacara minum teh adalah acara sosial yang diamalkan oleh golongan aristokrat pada masa lepas iaitu di kalangan ahli aristokrat bushi. Ia mempunyai pertimbangan semasa atau fesyen pada zaman Ashikaga. Ia adalah penyatuan yang mudah dilihat dan mempamerkan teh parapherlia, mangkuk tembikar dan bekas laker<sup>49</sup>.

Semasa pemerintahan Yoshimasa pengaruh sami Murata Shuko (142--1502) telah menjadi setengah daripada agama. Kumpulan peminum teh ini akan duduk bersama dalam keadaan senyap dan mengasingkan diri. Upacara minum teh ini bermula dengan penyediaan teh. Bagi menghargai objek kesenian ia digambarkan dengan pengasingan diri ataupun dalam penyediaan teh.

---

<sup>48</sup> S.Daniel, *Introduction to Japanese Culture*, Charles E. Tuttle Company, Inc., Singapore, 1996, hal. 18.

<sup>49</sup> Azhar et.al, *op.cit*, hal. 318.

## UPACARA MINUM TEH.

Upacara minum teh adalah satu tradisi yang paling menarik hati orang luar dan begitu unik sekali. Dalam *chashitsu* ini tetamu duduk dalam keadaan berlutut dengan senyap di atas tikar *tetami* menghadap *kamar* (cerek teh) dan *furo* ( tempat bara untuk memanaskan teh). Bilik *chasitsu* adalah satu ruang yang memiliki citarasa yang menarik yang dihiasi dengan sedikit bunga yang di susun dengan cara kesenian yang tersendiri bagi menunjukkan ketradisional kamar itu. Susunan bunga ini dikenali sebagai *ikebana* oleh orang Jepun. Bidai akan digantung dalam bilik itu sebagai peringatan kepada semua yang hadir yang fikiran mereka hendaklah menumpukan perhatian terhadap apa yang berlaku<sup>50</sup>.

Anak tuan rumah ini akan masuk dan menjemput tetamu untuk minum teh. Pembantunya akan datang dengan membawa mangkuk teh untuk para tetamu. Selepas itu pembantu akan membawa bekas air panas ditangan kiri dan tangan kanannya memegang mangkuk teh dan mengacaunya. Kemudian mangkuk teh itu akan dibahagi kepada tetamu mengikut tetamu yang mulia. Pergerakan orang yang menjalankan upacara itu senyap dan cermat<sup>51</sup>.


Semasa tuan rumah membersihkan peralatan, iaitu *Chashaku* (sudu teh buluh), *neksuma* (kotak teh) dan mangkuk teh agar bersih dan sempurna<sup>52</sup>. Dengan pergerakan yang berhati-hati ini, penjagaan dan perhatian dunia luar ditinggal di belakang. Pada

<sup>50</sup> S. Daniel, *op.cit*, hal. 318.

<sup>51</sup> S. Soshitsu, *op.cit*, hal. 7.

<sup>52</sup> Kakuzo Okakura, *The Book of Tea*. Nagoya: Japan Island Press, 1979. hal. 107.

peringkat ini pelawat barat yang memasuki upacara minum teh ini akan mendapati duduk berlutut itu merupakan gangguan yang tidak selesa. Pemandangan upacara minum teh ini ditambah dengan bunyi desiran *chisen* (berus buluh mengadun air dan teh sampai berbuih)<sup>53</sup>.



Ilustrasi menunjukkan peringkat penyediaan teh yang penuh dengan nilai-nilai keharmonian dan kelembutan.

(sumber: w: [www.tradisional\\_japangallery.jpg.com](http://www.tradisional_japangallery.jpg.com))

<sup>53</sup> *Ibid*, hal. 18.

Kesemua pergerakan istiadat ini menolong peserta menumpukan perhatian kepada pergerakan yang dikehendaki di dalam upacara ini. Apabila mangkuk teh diedarkan tetamu akan mengambil dan akan minum air teh tersebut.

Di sini tetamu luar negara tidak akan memberi perhatian kepada mangkuk itu seperti penumpuan dalam upacara itu. Pujian yang halus daripada tetamu berkenaan mangkuk teh adalah sebahagian perkara biasa dalam upacara minum teh. Mangkuk teh ini mempunyai pelbagai corak dan bentuk<sup>54</sup>. Antaranya ialah *Red raku tea bowl, senso tea bowl*<sup>55</sup> dan lain-lain.

Upacara yang ringkas mungkin berlangsung dalam masa 20 minit sahaja. Pelawat asing sepatutnya tidak hilang arah atau perhatian kepada upacara supaya tidak ketinggalan upacara penutup majlis itu. Kemudian tuan rumah akan meninggalkan secara senyap supaya tetamu berfikir tentang pengalaman mereka semasa minum teh<sup>56</sup>.

Upacara minum teh adalah merupakan alat untuk penyebaran citarasa artistik yang pelbagai jenis seperti senibina, lukisan, gubahan bunga, seramik dan barang-barang laker<sup>57</sup>.

---

<sup>163</sup> *Ibid.*

<sup>164</sup> S.Soshitsu, *op.cit*, hal. 40.

<sup>165</sup> S.Daniel, et.al, *op.cit*, hal.18.

<sup>166</sup> Azhar et.al, *op.cit*, hal. 318.

## KESENIAN

Tamadun Jepun mempunyai kesenian yang tinggi, ini kerana pelbagai barang kesenian telah dihasilkan. Setiap apa yang dihasilkan ini menggambarkan kehalusan kesenian yang dimiliki oleh orang Jepun. Antara barang yang dihasilkan ialah seramik atau tembikar, binaan kuil yang penuh dengan kesenian. Begitu juga ukiran patung yang cantik.

Tembikar pada zaman Jepun dianggap cantik dan anggun dalam bentuk dan warnanya. Tembikar telah mulai dikenali pada zaman Jomon . Zaman Jomon ini di ambil berdasarkan nama sejenis tanah liat yang digunakan oleh masyarakat Jepun di zaman neolitik untuk membuat pelbagai peralatan dan barang dapur yang dipanggil Jomon<sup><sup>103</sup><sup>103</sup></sup>.

Pada zaman Jomon, barang tembikar yang dicipta adalah untuk memasak makanan. Tembikar yang dicipta itu adalah kecil, antara 20 hingga 50 cm dan ketinggiannya ialah 70 hingga 75cm. Pada mulanya diciptakan mangkuk yang mempunyai permukaan yang dalam. Selepas 500 tahun penciptaannya, tembikar yang dicipta jelas menggambarkan cara hidup masyarakat pada zaman itu<sup><sup>104</sup></sup>.

---

<sup>107</sup> Ibid, hal. 289.

<sup>108</sup> M. Penelope, *History Of Japanese Art*, Harry N. Abrams, New York, 1993, hal. 14.

Bersesuaian dengan mereka pada masa itu iaitu berbentuk *pit-dwelling* yang mempunyai lubang ditengah untuk menyelamatkan diri. Jadi dengan itu mereka memerlukan bekas untuk kegunaan harian mereka seperti bekas untuk merebus air, memasak, seramik, batu hiasan, bakul rotan, alat-alat pertukangan yang diperbuat daripada batu dan juga alat-alat jahitan yang diperbuat daripada tulang<sup>105</sup>.

Apabila pembuatan seramik ini semakin berkembang pelbagai barang telah dihasilkan. Contohnya telah dicipta kendi yang mempunyai pemegang, tembikar yang mempunyai pemegang berbentuk haiwan seperti bentuk ular, rusa dan sebagainya<sup>106</sup>.

Pada zaman Yayoi masyarakat membentuk tembikar dengan menggunakan tangan. Ia mempunyai nilai estetika yang tinggi dalam pembuatan barang tembikar. Barang tembikar yang dihasilkan itu adalah hampir serupa dengan tembikar Dinasti Han di China. Barang tembikar yang dihasilkan adalah dalam berbagai bentuk seperti tembikar berbentuk bulat dan mempunyai leher yang panjang atau leher yang pendek, ada pula yang mempunyai mulut. Kadang-kadang ada yang mempunyai mulut dan leher sekali<sup>107</sup>.

Untuk menghasilkan corak atau garisan di atas tembikar itu, mereka sering menggunakan sikat rambut dan juga gigi gergaji. Bagi melicinkan permukaan tembikar itu dan juga untuk menjadikan ia berwarna *red gloss* mereka telah menggunakan spatula dan *Iron Oxide*. Hasil barang tembaga ini mempunyai corak yang halus, mudah, cantik

<sup>105</sup>Ibid, hal. 15.

<sup>106</sup>Ibid, hal. 18.

<sup>107</sup>Azhar Mad Aros, *op.cit*, hal. 294.

dan berwarna-warni. Corak yang terbentuk di atas tembikar yang dihasilkan ialah corak cacing kerawit secara mendatar dalam bentuk berjalur<sup>108</sup>.

Selain daripada pengetahuan tentang pembuatan tembikar, mereka juga mempunyai pengetahuan pengeluaran yang lebih cekap kerana mereka menggunakan tempat pembakar tanah yang bersistematik. Tembikar dalam zaman Yayoi juga cantik dan kukuh kerana masyarakat Yayoi membakar barang tembikar dengan suhu kepanasan yang tinggi<sup>109</sup>.

Barangan tembikar ini dikenali sebagai Haniwa iaitu terdiri daripada jar, pepatung, kuda, pahlawan dan sebagainya. Bagi perkuburan (Kofun) yang berbentuk lubang kunci juga barangan yang dihasilkan daripada tanah liat. Mereka menyimpan hasil tanah liat ini kerana mereka mempercayai ia merupakan penghormatan kepada si mati<sup>110</sup>.

Bagi barangan seramik telah banyak dicipta alat untuk istidat minum teh. Antara yang dibuat ialah mangkuk untuk meminum teh, *kabin* iaitu pasu bunga, *koro* tempat memanaskan teh dan *suiteki* iaitu bekas air yang digunakan untuk kaligrafi<sup>111</sup>.

Hiasan di mangkuk teh itu mempunyai pelbagai corak menarik dan bentuk yang cantik. Pelbagai bentuk seramik yang direka iaitu bulat, bujur, empat persegi, bentuk tiga segi, bentuk daun, bentuk kipas, bentuk bunga, bentuk buah-buahan dan lain-lain<sup>112</sup>.

<sup>108</sup> Ibid.

<sup>109</sup> Ibid.

<sup>110</sup> Ibid, hal. 297.

<sup>111</sup> S. Daniel, *op.cit*, hal. 22.

Pada zaman Makam pula telah banyak batu nisan dihasilkan, ini kerana pada zaman ini penguburan secara timbunan pasir banyak digunakan. Batu nisan yang dibina di zaman ini adalah dalam pelbagai bentuk, termasuk dengan corak lubang kunci gergasi, ada yang berbentuk bulat dan segi empat dengan bukit yang curam bersebelahnya<sup>113</sup>.

Pada bahagian luar diletakkan timbuan pasir tembikar untuk mengelakkan ia daripada hakisan. Di atas makam ini pula diletakkan *haniwa* yang berupa pepatung pahlawan, binatang, rumah dan sebagainya. Pembinaan makam ini adalah menyerupai pembinaan makam golongan bangsawan di Korea dan China<sup>114</sup>.

Pada zaman Nara *seni ukiran* turut mendapat tempat di kalangan masyarakat dari golongan pemerintah hingga kepada rakyat biasa. Bagi golongan aristokrat mereka menggemari hasil ukiran yang halus dan lembut. Manakala golongan kebanyakan pula menggemari hasil ukiran yang nyata dan tegas. Antara tukang ukir yang paling terkenal pada ketika itu ialah *Unkei* dan *Kaikei*<sup>115</sup>.

Ukiran yang paling agong ialah ukiran patung raja-raja Dewa dan *Kongo Rikishi*. Terdapat pembaharuan dari tradisi klasik dalam seni ukiran zaman Nara. Contohnya ukiran patung Buddha agong atau *Great Buddha* setinggi 46 kaki pada zaman Kamakura

<sup>116</sup>*Ibid.*, hal. 22.


<sup>117</sup>M. Penelope, *op.cit*, hal. 24-25.

<sup>118</sup>Azhar, *op.cit*, hal. 297.

<sup>119</sup>*Ibid.* hal. 297.

yang dibina pada pertengahan abad ke-13 yang mempunyai persamaan dari segi saiz tetapi jauh lebih cantik dari yang dibina pada zaman Nara<sup>116</sup>.

Selain daripada kesenian tembikar atau seramik, *seni lukis* juga turut mendapat tempat di kalangan orang Jepun. Pada zaman Heian, artis atau pelukis memperkenalkan *shiki-e* iaitu mengenai perjalanan 4 musim dan ia juga dikenali sebagai *tsukinami-e* iaitu bulan-bulan yang berlaku pertukaran musim. Manakala *Meisho-e* pula lukisan mengenai tempat-tempat yang popular pada masa itu<sup>117</sup>.



Alat yang digunakan untuk proses melukis yang dikenali sebagai Shodo.  
(sumber : [www.japan\\_gallery\\_ofphoto.org.jpg.com/html](http://www.japan_gallery_ofphoto.org.jpg.com/html))

<sup>116</sup> Ibid, hal. 311.

<sup>117</sup> S. Danial, *op.cit*, hal. 23.

Lukisan pada zaman Heian mendapat tempat yang teratas. Kehidupan mereka digambarkan dalam lukisan tersebut dan tentang peraturannya juga tergambar dalam lukisan tersebut contohnya *Genji Monogatari*. Pada kedua-dua zaman ini iaitu Heian dan Kamakura lukisan Jepun iaitu yamato-e menggambarkan tentang kehidupan harian<sup>118</sup>.

Apabila *Yamato-e* mendapat pengaruh dari China iaitu dengan kedatangan agama Buddha ke Jepun, maka berlaku percampuran diantara pemikiran orang Jepun dengan China iaitu Zen Buddhism. Seni lukis ini mulai mendapat tempat pada zaman Kamakura. Seni lukis ini dikenali sebagai *e-makimono* iaitu lukisan di atas kertas. Selain daripada lukisan ini, lukisan potret juga mendapat tempat pada zaman ini. Antara lukisan potret yang terkenal ialah potret Minamoto Yoritomo yang telah dilukis oleh Fujiwara Takanobu<sup>119</sup>.

## **PUISI (Haiku)**

Penciptaan puisi di dalam tamadun Jepun banyak dipengaruhi oleh unsur alam semulajadi yang bukan sahaja penting malahan juga menjadi sumber inspirasi kepada pemuisi-pemuisi Jepun dahulu. Puisi atau haiku ini mempunyai syarat-syaratnya yang tersendiri iaitu 4 cara yang umum iaitu:

- a) puisi itu mestilah mempunyai 17 suku kata di dalam 5-7-5 mengikut urutan.
- b) Puisi itu hendaklah berkaitan tentang alam yang menggambarkan tentang keadaan itu. Ia juga boleh menggunakan kiasan sekiranya tidak diceritakan secara terus terang.

---

<sup>182</sup> *Ibid.*

<sup>183</sup> Azhar et.al, *op.cit*, hal. 311.

- c) Puisi itu hendaklah menggambarkan perkara yang sebenar dan tidak kepada perkara yang abstrak<sup>120</sup>.
- d) Puisi itu hendaklah tentang perkara yang berlaku sekarang dan bukannya perkara yang telah lepas.

Objektif penulisan *haiku* adalah supaya pembaca dapat menghayati apa yang dibaca. Perkara utama yang menjadi topik haiku ialah tentang alam semulajadi yang memberi pelbagai maksud. Sebagai contohnya bulan digambarkan dengan musim luruh iaitu bulan September. Perkara yang paling banyak terdapat di dalam puisi ialah bunga, burung, siput, daun luruh, kasih sayang dan kehidupan dalam masa yang singkat<sup>121</sup>.



Antara puisi terkenal yang dihasilkan di Jepun.  
(sumber: [www.guide-to-japan.com/hoshi.htm](http://www.guide-to-japan.com/hoshi.htm))

<sup>120</sup>S. Danial, *op.cit*, hal. 35.

<sup>125</sup>*Ibid.* hal. 35.

Puisi yang pertama wujud adalah puisi yang panjang dan kelahirannya bersama dengan penciptaan puisi yang pendek. Puisi yang panjang ialah *choka* yang kadang-kadang mempunyai 50 hingga 100 baris. Apa yang paling menarik ialah di setiap baris puisi ini mempunyai 5 hingga 7 suku kata yang silih berganti dan baris akhir mesti mempunyai 7 suku kata. *Tanka* mempunyai 5 baris yang mempunyai 31 suku kata di dalam 5-7-5-7-7 mengikut urutan<sup>122</sup>. Semasa zaman Heian, puisi merupakan sebahagian daripada kehidupan di istana. Mereka yang mempunyai kedudukan yang tinggi akan menghasilkan puisi yang baik<sup>123</sup>.

Pada zaman Feudal kesenian dan kesusasteraan telah berkembang di Kyoto. Golongan aristokrat telah menunjukkan minat yang mendalam terhadap puisi *waka* dan haiku Jepun. Pada tahun 1205, antologi puisi Jepun yang bertajuk *Shin Kokin Wakashu* atau *Kokin Wakashu Baru* tekah disusun. Hasil-hasil karya penyajak Jepun yang terkenal iaitu Fujiwara-no-Teika (1162-1241) telah dikumpulkan dalam bentuk antologi puisi<sup>124</sup>. Karya-karya Saigyo (1181-1190) seorang sami dan penyajak yang terkenal juga telah dikumpulkan dalam bentuk antologi yang amat diminati oleh golongan aristokrat dan bawahan.

Di kalangan orang kebanyakan, penulisan prosa yang bergaya baru telah diperkenalkan. Gaya penulisan ini menggunakan stail yang bersemangat. Beberapa buah buku telah ditulis dalam gaya bahasa ini. Hasil karya yang paling terkenal ialah *Heike*

<sup>126</sup> *Ibid.*

<sup>127</sup> Azhar et.al, *op.cit*, hal. 306.

<sup>128</sup> *Ibid*, hal. 311.

*Monogatari* (1233 masihi) atau cerita-cerita keluarga Heike. Pada umumnya ia bertema kisah kebangkitan, keperwiraan dan kejatuhan keluarga Taira<sup>125</sup>.

Pada abad ke 11, ada seorang yang telah mencipta puisi sebanyak dua baris, kemudian ada orang lain menambahnya sebanyak 3 baris. Dengan ini, ia telah memberi makna iaitu sebanyak 31 suku kata. Ini merupakan dari *renga* dan kemudiannya terhasilah *haiku*. *Haika* pula adalah 3 baris pertama puisi *renga*. Haika ini popular di zaman Edo<sup>126</sup>.

Kemunculan puisi Jepun ini merupakan satu kejutan di arena puisi dunia, ini adalah kerana puisi Jepun atau *haiku* ini merupakan puisi terpendek di dunia. Haiku ini merupakan 1/3 daripada puisi Korea iaitu *sijo*. Haiku merupakan puisi yang terpendek yang telah dihasilkan Kobayashi Issa (1763-1827) mengenai kewujudan manusia yang kompleks<sup>148</sup>.

Haiku merupakan sebuah puisi yang menjelaskan mengenai kependekan keluasan ruang dan waktu dengan hanya 17 suku kata. Haiku menjadi teks rujukan kepada Jepun bagi mengecilkan sesuatu benda. Penulis puisi ini Kobayashi Issa merupakan seorang yang lumpuh dan dia telah menulis puisi ini yang dia tidak mahu keadaan ini terjadi<sup>149</sup>.

---

<sup>189</sup> *Ibid*, hal. 311.

<sup>190</sup> Lee, o-Young, *The Compact Culture The Japanese Tradition of 'Smaller is Better'*, (terj.), Kodansha International, Japan, 1984, hal. 20-21.

<sup>191</sup> *Ibid*, hal. 21.

<sup>192</sup> *Ibid*.

Keunikan Haiku ini bukan sahaja kepada kependekannya, tetapi mempunyai nilai estetika yang tinggi mengenai lebih baik, luas dan tentang kurang jelas dunia dalam ruang yang sempit. Contoh salah satu daripada Issa Haiku :

*How beautiful !*

*Through a hole in the paper screen*

*I see the Milky way.*

Di Jepun di dalam *Issun Boshi* menceritakan tentang keistimewaan dan penjelasan tentang sesuatu. Di dalam *Manyoshu* iaitu penulisan awal Jepun yang mengandungi sebanyak 759. Puisi tentang bunga paling banyak dihasilkan iaitu sebanyak 141 puisi. Bunga ini adalah mengenai sejenis rumput yang daunnya bercabang tiga dan berbunga, merah atau putih, ia adalah pokok yang rendah<sup>150</sup>. Keunikan Haiku ini, akan menarik perhatian orang asing. Ini kerana apabila ingin menulis Haiku di dalam bahasa Inggeris ia akan menimbulkan masalah dalam suku kata ini kerana perbezaan bahasa antara Inggeris dan Jepun<sup>151</sup>.

---

<sup>153</sup> *Ibid*, hal. 22.

<sup>154</sup> S. Daniel, *op.cit*, hal. 35.

### **BUNRAKU (Permainan anak patung)**

Bunraku adalah merupakan permainan tradisi masyarakat Jepun. Ia merupakan permainan yang menggunakan bahasa yang mudah. Permainan ini menggunakan anak patung untuk menggambarkan suasana, perasaan, mengikut jalan cerita.

Permainan Bunraku ini memerlukan tempat yang luas, kadang-kadang memerlukan satu meter lebar dan ada kalanya luas lagi. Setiap anak patung ini memerlukan seramai 3 orang untuk mengendalikannya. Seorang akan menjaga bahagian kepala dan bahagian bahu kanan, seorang lagi akan menjaga bahagian bahu kiri dan seorang lagi akan menjaga bahagian kakinya<sup>152</sup>.



Antara anak patung yang digunakan dalam persembahan dan perayaan.  
(sumber : [www.gotojapan.com](http://www.gotojapan.com))

---

<sup>152</sup>Ibid, hal. 32.

Semasa permainan anak patung ini berlangsung, orang yang memainkannya akan bersama di atas pentas bersama dengan anak patung tersebut untuk mengawasinya. Mereka akan memakai baju hitam, ini adalah untuk menggambarkan agar mereka tidak kelihatan di atas pentas itu. Peranan mereka ini agak sukar kerana mereka bertanggungjawab untuk memainkan anak patung itu agar nampaknya kelihatan benar-benar bergerak. Mereka memerlukan kemahiran dan tumpuan yang mendalam bagi menghidupkan watak anak patung itu.

Bagi memahirkan mereka untuk mengawal pergerakan anak patung, mereka hendaklah berlatih sekurang-kurangnya sepuluh tahun sebelum mereka tampil di atas pentas untuk bermain permainan ini. Bayangkanlah yang mereka terpaksa berlatih sampai sepuluh tahun hanya untuk mengawal bahagian bahu kiri ataupun hanya untuk mengawal kepala dan bahu kanan. Ini termasuklah juga dengan yang mengawal bahagian kakinya<sup>153</sup>.

Untuk pertunjukan permainan anak patung ini, mereka akan ada satu kumpulan untuk menjayakannya. Di dalam permainan anak patung ini mereka akan melakonkan sebuah cerita. Anak patung atau Bunraku itu akan ada watak yang memerlukannya untuk berjalan, bercakap, menari, bertumbuk dan sebagainya mengikut jalan cerita ataupun *joruri*. Dalam joruri ini akan ada penceritanya yang dipanggil *dayu*<sup>154</sup>.

---

<sup>196</sup> *Ibid.*

<sup>197</sup> *Ibid.*

Semasa permainan ini berlangsung akan diiringi muzik latar yang dimainkan oleh pemain *shamisen* iaitu sejenis alat muzik yang mempunyai tiga tali, ianya berasal dari kulit ular yang diregangkan atas kotak bunyi dan dinamakan *jabisen*, kulit ular ini kemudiannya telah ditukar dengan kulit kucing dan diberi nama *shamisen*<sup>155</sup>. Penglipur lara akan berdailog untuk jalan cerita itu mengikut watak anak-anak patung tersebut.

Permainan anak patung tidak sesuai untuk kanak-kanak sahaja tetapi khas untuk tontonan golongan tua. Tema cerita adalah bermacam-macam iaitu sedih, komedi yang jelas ianya untuk tontonan orang dewasa. Kebanyakan cerita yang dimainkan adalah cerita lucu dan cerita mengenai kematian jarang dimainkan.

Cerita mengenai percintaan ada juga dimainkan iaitu *jidaimono* yang mempunyai sebanyak 5 bahagian. Cerita ini telah mengambil masa lapan jam dan kemudiannya telah dipendekkan menjadi 4 jam sahaja. Cerita mengenai realiti iaitu *sewamono* hanya dimainkan sebanyak 3 bahagian sahaja dan dipersembahkan keseluruhannya.

Bunraku sebenarnya didapati pada awal 1600 di kawasan Kansai yang dimainkan dengan penuh bersemangat. Pada tahun 1684 Bunraku telah dipersembahkan di Osaka oleh Gidayu Takemoto yang menggunakan gambaran yang moden<sup>156</sup>.

Bunraku diminati dalam masyarakat Jepun seperti dengan kesenian tradisi yang lain. Keunikan Bunraku ini ialah mengenai kemahiran yang dimiliki oleh pemain anak-

---

<sup>155</sup> I. Gen, *op.cit*, hal. 92.

<sup>156</sup> S. Daniel, *op.cit*, hal. 35.

anak patung tersebut begitu juga dengan anak-anak patung mereka yang mempunyai kesenian yang tersendiri<sup>157</sup>.

### **RAKUGO.**

Rakugo ialah monolog melucukan yang dipersembahkan oleh rakugoka yang memakai kimono yang duduk di atas kusyen dipentas dengan memegang kipas lipat. Sebenarnya ia adalah perbualan yang menggelikan hati antara seorang yang berpengalaman, luas pengetahuan dan bijak dengan seorang yang kasar, jahil dan bodoh. Jenaka ini timbul dengan perkaitan yang menggelikan hati tentang idea dan salah faham antara kedua-dua watak yang di bawa ini.

Rakugo ini menggunakan kipas dan tuala kecil sebagai alatan dan menghidupkan persembahannya dengan gerak tangan dan riak muka yang kelakar. Rakugo pada asalnya ‘otoshi-banashi’, kedua-dua perkataan ini bermakna ‘cerita yang bernas’.

Rakugo berasal daripada kisah-kisah yang menggelikan hati yang diceritakan oleh tukang lawak kepada jeneral mereka pada penghujung zaman Muromachi. Perkara yang diceritakan ini muncul dari berbagai-bagai bidang, seperti sastera, agama Buddha dan jenaka China dan ianya telah digabungkan dengan cerita-cerita yang menggelikan hati pada zaman Edo<sup>158</sup>.

---

<sup>200</sup>Ibid.

<sup>201</sup>I. Gen, *op.cit*, 40.

### **NOH DAN KYOGEN (Drama Jepun)**

Noh dan Kyogen ini merupakan dua buah drama yang menggunakan topeng iainya berlainan dengan Kabuki ini kerana kabuki pelakonnya disolek. Noh ialah drama yang membicarakan tema serius yang bersifat idealis atau keagamaan dan ianya agak membosankan berbanding dengan Kyogen yang mempunyai jalan cerita yang lucu dan lakonan yang kelakar.

Pelakon bagi drama ini adalah terdiri daripada lelaki. Mereka akan berlakon pelbagai watak termasuk watak roh orang yang mati, watak pokok, watak binatang dan pelbagai roh lain. Untuk melakonkan watak ini seseorang pelakon itu memerlukan masa untuk memahami jalan cerita iaitu plot, untuk membaca skrip cerita itu dan juga untuk belajar mengenai muzik. Muzik ini menggunakan tiga drum dan juga seruling<sup>159</sup>.

Bahasa yang digunakan di dalam dua buah drama ini juga berbeza. Noh menggunakan bahasa klasik Jepun dan China, tetapi kyogen menggunakan perkataan tradisional yang sama maknanya dengan bahasa percakapan moden. Watak yang berbeza juga muncul iaitu watak Maharaja, wira dan watak-watak lain yang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam susunan sosial muncul dalam drama Noh. Ini berlainan pula dengan drama Kyogen watak yang muncul ialah petani, orang gaji, orang biasa yang lain dengan mereka dan orang moden pun dapat mengaitkan diri<sup>160</sup>.

---

<sup>159</sup> S. daniel, *op.cit*, hal. 28.

<sup>160</sup> I. Gen, *op.cit*, hal. 65.

Noh sebenarnya sebuah drama lagu dan tarian. Ia berasal dari nyanyian dan tarian tradisional yang ditujukan khas kepada kuil Shinto dan Kuil agama Buddha dan dipersembahkan sebagai upacara berdoa untuk hasil tuaian yang melimpah ruah, tetapi ianya secara beransur-ansur diperhalus menjadi suatu bentuk seni kebudayaan dan memiliki pengertian perasaan dan falsafah yang lebih mendalam. Drama Noh ini telah popular di zaman Edo iaitu di kalangan samurai dan intelek<sup>161</sup>.

Sebenarnya kedua-dua drama ini berasal daripada China iaitu semasa pemerintahan dinasti Tang. Di Jepun ia telah dipopularkan pada abad ke 14 semasa pemerintahan Ashikaga dan ianya diminati oleh golongan bangsawan.

Pada awal abad ke 18, masyarakat Jepun mula meminati drama Kabuki. Walaupun begitu Noh dan Kyogen masih lagi mendapat tempat di kalangan Samurai. Biasanya penonton drama ini akan duduk di atas lantai untuk menyaksikan drama ini. Mereka ini akan menghayati watak-watak yang dimainkan dan akan ketawa<sup>162</sup>.

Kira-kira 300 drama kyogen telah dikekalkan sehingga hari ini. Drama-drama ini berkembang semasa pemerintahan Tokugawa. 200 daripada drama ini masih lagi dipersembahkan. Oleh kerana Kyogen adalah sebuah drama selingan yang muncul dan dipersembahkan pada masa rehat drama Noh, oleh itu ia masih lagi menggunakan pentas

---

<sup>204</sup> *Ibid*, hal. 59.

<sup>205</sup> S. daniel, *op.cit*, hal. 28.

yang sama. Drama ini kini telah menjadi agak formal tetapi masih lagi ada kelucuan spontan dan jenakanya masih lagi menggelikan hati<sup>163</sup>.

Bagi Noh pula, kira-kira 240 dramanya yang berbeza telah dimainkan hingga sekarang. Bahasa yang indah dalam drama ini, dengan latar belakang pemikiran agama Buddha dan peminjaman yang banyak daripada penulisan sejarah Jepun seperti *The Tale of Genji* dan *The Tale of Ise* serta dari sastera agama Buddha dan China, telah terjalin ke dalam struktur kebudayaan Jepun.

Drama ini mempunyai pelbagai plot, tokoh terkemuka dalam sejarah mungkin muncul dan melakonkan peristiwa-peristiwa lalu yang termahsyur, atau watak yang lebih moden mungkin menunjukkan berbagai-bagai emosi manusia<sup>164</sup>.

Dengan kostum yang sungguh cantik, pelakon yang memakai topeng, dan bentuk ucapan yang telah diolah. Noh dipenuhi keanggunan terkawal yang menjadi ciri rasa keindahan Jepun. Tarikan intelektual dan estetiknya menjadikan Noh bentuk drama tarian tradisional yang paling dihormati. Kabuki dan Joruri juga amat dipengaruhi oleh Noh ketika perkembangannya pada zaman Edo<sup>165</sup>.

Dengan ini dapatlah difahami bahawa memahami Noh adalah penting untuk memahami kebudayaan Jepun. Peranan yang dimainkan oleh Noh ini dapat dilihat dalam

<sup>163</sup> I. Gen, *op.cit*, hal. 65.

<sup>164</sup> *Ibid*, hal. 59.

<sup>165</sup> *Ibid*.

kebudayaan Edo ialah kekerapan perkataan Noh muncul dalam penulisan puisi dan penulisan novel seperti Matsuo dan Ihara Saikaku.

## RUMAH DAN KEHIDUPAN HARIAN

### TEROMPAH

Masyarakat Jepun amat mementingkan kebersihan diri mereka. *Geta* merupakan nama am bagi kasut orang Jepun. Mereka telah menggunakan *geta* ataupun selipar untuk berjalan. Geta ini mula digunakan di zaman Yayoi untuk menyusuri jalan-jalan di Jepun. Geta ini tidak diketahui asalnya, tetapi mungkin dibawa dari China atau Asia Tenggara, India dan Afrika kerana tempat ini pernah menggunakan kasut seperti geta ini<sup>166</sup>.

Geta ini diperbuat daripada *paulownia*, kayu yang berwarna terang dan cantik. Manakala jalur geta ini diperbuat daripada daun ganja, buluh, atau batang padi yang dibalut dengan menggunakan kain, sutera ataupun kulit binatang<sup>167</sup>.

Di Jepun geta ini mulai didapati di zaman Yayoi oleh pesawah padi. Pada zaman Feudal mereka menggunakan selipar untuk mengangkut air, membasuh dan juga semasa ke tandas. Geta ini didapati dalam pelbagai bentuk dan pelbagai corak yang indah. Geta

---

<sup>209</sup> Azhar et.al, *op.cit*, hal. 296.

<sup>210</sup> Kiritani Elizabeth, *Vanishing Japan Traditions Craft & Culture*, Charles E. Tuttle Company, Jepun, 1995, hal. 64.

ini dicipta dalam bentuk yang tinggi ini adalah sesuai untuk digunakan di dalam air sebenarnya<sup>168</sup>.

Geta untuk kanak-kanak mulai dijumpai pada zaman Nara (710--94). Geta ini dimiliki oleh semua orang tidak kira miskin atau kaya. Ia telah digunakan untuk pelbagai majlis tidak kira formal atau tidak formal.<sup>169</sup>

Apabila geta ini mula berkembang ia telah dicipta dalam pelbagai ketinggian yang tertentu untuk menjaga kaki supaya sentiasa bersih. Pemakaian geta ini bukan sahaja setakat zaman Yayoi tetapi juga berkembang hingga ke zaman Nara, zaman Heian, Zaman Kamakura dan lebih popular pada zaman Edo.

Geta ini telah direka dalam pelbagai jenis bagi kegunaannya yang tertentu. Sebanyak tujuh jenis geta telah dicipta antaranya ialah :

- a) *Pokkuri*, ianya telah digunakan oleh gadis. Ia mempunyai tapak yang melengkung dan menghasilkan suatu bunyi yang indah.
- b) *Ashida*, ia digunakan semasa musim hujan. Ia dalam bentuk yang tinggi bagi menjamin kebersihan kaki.
- c) *Mistuba geta*, ia digunakan oleh pelacur kelas atasan.

---

<sup>211</sup>Azhar et.al, *op.cit*, hal. 296.

<sup>212</sup>Kiritani Elizabeth, *op.cit*, hal. 65.

- d) *Niwa geta* telah digunakan untuk berkebun.
- e) *Nori geta*, digunakan semasa menjalankan kerja-kerja di kawasan air iaitu di sawah dan digunakan oleh pesawah. Penggunaan geta semasa bekerja di sawah padi ini menggambarkan masyarakat ini telah mencapai taraf sosial yang baik pada masa itu.
- f) *Suberi geta* digunakan untuk meluncur.
- g) *Butai geta* digunakan oleh pemain boneka<sup>170</sup>.

Ciptaan geta yang mempunyai kelainan ini sesungguhnya menunjukkan kesenian nasyarakat Jepun dalam menghasilkan barangan mereka.

### **ZASHIKI (Bilik tetamu)**

Bilik tetamu di Jepun dikenali sebagai Zashiki, iainya lebih dikenali dengan konsep bilik yang dipenuhi dengan tatami iaitu tikar. Tikar tatami ini popular pada zaman Edo. Sebelum zaman Edo, lantai rumah mereka biasanya tidak dipenuhi dengan tikar ini. Rumah mereka biasanya dipenuhi dengan tikar yang diperbuat daripada tikar *straw*.

---

<sup>173</sup> *Ibid*, hal. 66.

Tikar tatami hanya diguna pada masa tertentu sahaja, apabila ia tidak digunakan iakan diletakkan ditepi sahaja. Lantai *Zashiki* ini akan dipenuhi dengan tikar tatami bagi menjadikan ianya istimewa berbanding dengan bilik-bilik lain. Biasanya bilik ini akan dipenuhi dengan 6 atau 8 tikar ini yang ukurannya 0.9 hingga 1.8 meter<sup>171</sup>.

Istimewanya zakishi ini ialah ia mempunyai *tokonama* iaitu sambungan kepada bilik yang separuh tertutup yang dimana di dalamnya terdapat tempat duduk. Pada zaman Edo, golongan ahli aristokrat sahaja yang mempunyai tokonama ini. Hanya dipertengahan kurun ke 18 barulah orang kebiasaan menambahkan tokonama di bahagian rumah mereka. Tokonama ini tumpuan utama kerana ia memiliki kelengkapan yang cantik<sup>172</sup>.

Biasanya Tokonoma ini akan disangkut dengan bidai iaitu *kakenoma*. Melalui bidai yang disangkut mereka akan dapat melihat pertukaran musim yang berlaku di luarnya ataupun untuk melihat sesuatu yang istimewa. Di dalamnya juga akan diletakkan dengan bunga yang disusun iaitu ikebana, begitu juga ianya akan dihiasi dengan seramik yang cantik dan unik ukurannya<sup>173</sup>.

Di satu bahagian tokonama ini akan dihiasi dengan *tokobashira* iaitu meja kecil yang diperbuat daripada kayu yang elok. Biasanya meja ini diperbuat daripada sekeping kayu sama ada daripada kayu pokok pine, cryptomei dan pokok cyprus. Kayu ini adalah lebih baik daripada kayu yang digunakan untuk membuat rumah. Harga bagi tokobashiro ini ialah 100 dolar.

---

<sup>171</sup> S. Daniel, *op.cit*, hal. 76.

<sup>172</sup> *Ibid.*

<sup>173</sup> *Ibid.*

Di tengah bilik ini akan diletakkan dengan sebuah meja kecil yang menggunakan kayu yang baik dan akan dicat dengan varnish. Tetamu akan duduk di atas *zabuton* iaitu kusyen yang diletakkan di atas tikar tatami. Pada musim panas *zabuton* yang menggunakan kain putih digunakan begitu juga dengan zaman salji<sup>174</sup>.

Perabot lain yang digunakan untuk menghiasi bilik ini ialah *chigaidana* iaitu rak yang bersilang. Untuk menampakkan kesopanan *zashiki* ini ialah bergantung kepada susunan perabotnya. Bilik ini adalah khas untuk menyambut tetamu yang datang. Ini menunjukkan betapa pentingnya tetamu kepada tuan rumah. Mereka ini akan dilayan dengan sebaik-baiknya oleh tuan rumah.

## TATAMI

Tatami ialah tikar jerami yang tebal yang digunakan untuk membentuk lantai dalam bilik tradisional Jepun. Saiz tikar ini adalah berbeza daripada satu daerah hingga satu daerah yang lain. Tatami yang paling besar adalah berukuran 90 x 180 cm dan keluasan bilik adalah berdasarkan bilangan tatami yang boleh diletakkan.

Makna tikar tatami ialah ‘lipat’ dan nama tikar ini terbit daripada tikar jerami lipat yang digunakan di rumah Jepun untuk menutup lantai kayu rumah mereka. Kemudian telah diperkenalkan tikar tetami yang lebih tebal. Tatami ini dibuat dengan dengan

---

<sup>217</sup> *Ibid.*

menjahit lapis jerami ke lapisan yang kira-kira tujuh atau lapan sm ia telah digunakan pada kurun kelima belas dan kurun ke enam belas<sup>175</sup>.

Tatami ini menghasilkan bau yang segar, kebanyakan rumah memiliki tatami untuk dipasang dibahagian ruang tamu ataupun dalam bilik tetamu. Pada zaman Heian (794-1195), hanya golongan istana sahaja yang memakai tikar ini<sup>176</sup>.

## FUTON

Di Jepun tempat tidur mereka yang tradisional dikenali sebagai futon. Tempat tidur ini tidak mempunyai kaki seperti katil gaya barat. Ia pula terdiri daripada lihaf yang dinamakan sebagai futon dan futon ini akan diletakkan terus di atas lantai yang bertikar tatami.

---

<sup>218</sup> I. Gen. *Op.cit*, hal. 26.

<sup>219</sup> Kiritani Elizabeth, *op.cit*, hal. 41.



Inilah tempat tidur yang dinamakan Futon  
(sumber : [www.gotojapan.com](http://www.gotojapan.com))

Futon ini telah diisi dengan nilon, kapas, atau isi lain dan dilipat tiga dan disimpan di dalam almari khas yang dinamakan sebagai *oshiire*. Apabila ianya tidak digunakan ia boleh disimpan di dalam almari tersebut. Dengan adanya begini bilik tidur tadi boleh digunakan untuk tujuan lain<sup>177</sup>.

Tilam tempat tidur ini dinamakan sebagai *Shikibuton* dan agak tebal dan berat, manakala lihaf yang diletakkan dibahagian atas dinamakan sebagai *Kakebuton* dan ianya lebih nipis dan lebih ringan. Kakebuton pula selalunya diisi dengan bulu kapas atau lain-

---

<sup>220</sup> *Ibid*, hal. 94.

lain bahan penebal yang ringan dan bukan kapas. Biasanya tilam getah berbusa digunakan di bahagian bawah shikibuton<sup>178</sup>.

Futon ini telah digunakan oleh masyarakat barat iaitu bagi menggantikan tilam tradisi masyarakat barat. Di katakan juga lebih baik untuk bahagian belakang tubuh.

## **FUROSHIKI**

Furoshiki adalah sehelai kain sutera, kapas, hem atau kain lain yang berbentuk empat segi besar yang digunakan untuk membungkus dan membawa benda-benda. Kebanyakan lebih besar daripada napkin meja yang besar, dengan ukuran yang lebih kurang sama dengan sebelah panjang lembaran penuh suratkhabar. Ia masih sangat popular, kerana ia ringan dan mudah dilipat apabila tidak digunakan.

Kegunaan asal furoshiki ialah untuk membawa perlengkapan dandanan diri ke tempat mandi umum setempat dan untuk ditebarkan atas lantai tempat itu. Perkara ini telah dijelaskan oleh namanya iaitu furo iaitu mandi dan shiki pula bermaksud menebarkan<sup>179</sup>.

Kemudian furoshiki ini telah digunakan untuk membungkus bekas makanan untuk membawa sake. Furoshiki telah digunakan pada masa Heian, Nara dan seterusnya.

---

<sup>221</sup> *Ibid*, hal. 95.

<sup>222</sup> *Ibid*, hal. 60.

Furoshiki ini boleh digunakan untuk membungkus pelbagai barang dalam pelbagai bentuk<sup>180</sup>. Furoshiki ini mempunyai pelbagai jenis coraknya dan bermacam-macam warna. Ianya adalah sama dengan beg plastik yang terdapat pada hari ini.

#### **5.4.3 PERAYAAN DAN PERCUTIAN**

##### **HINA MATSURI ( Perayaan anak patung)**

Perayaan anak patung ini merupakan perayaan untuk kanak-kanak perempuan. Nama perayaan ini adalah datang dari *hiina* iaitu zaman Heian perayaan ini menggunakan anak patung, rumah anak patung dan modelnya untuk menggambarkan kehidupan istana.

Akan tetapi permainan ini bukannya untuk dimainkan pada perayaan ini. Perkataan *hiina* adalah untuk menjelaskan tentang anak patung kertas yang kemudian lahirnya perayaan anak patung ini terutamanya pada zaman Edo.

Perayaan ini lahir pada pertengahan abad ke 17. Dua atau tiga anak patung akan duduk di dalam Tokonomo bersama dengan kek nasi dan makanan-makanan lain yang istimewa. Semasa zaman Edo pengumpulan anak patung bertambah banyak dan permainan anak patung ini mempunyai banyak peringkat iaitu tiga, lima dan yang terakhir ialah tujuh langkah. Ketinggian anak patung ini adalah dalam beberapa meter<sup>181</sup>.

---

<sup>223</sup>Kiritani Elizabeth, *op. cit*, hal. 175.

<sup>224</sup> Temuramah, Puan Hamidah iaitu pembantu tadbir di ibu pejabat Japan Foundation dan pernah melawat Jepun beberapa kali atas urusan kerja, (Kuala Lumpur: Menara CitiBank, 15/06/2003 jam 2.30 petang).

Anak patung ini akan diletakkan di atas kayu yang tinggi dan anak patung kertas akan dipakaikan dengan pakaian anak patung dengan kepala dan tangannya diperbuat daripada seramik.

Permainan tujuh langkah ini ialah dengan menggunakan pentas bertangga yang ditutupi kain merah menyala. Pentas ini dikenali sebagai *Hina-dan* iaitu seperti galeri untuk menteri negara dalam *diet* kebangsaan dan langkah yang seterusnya ialah<sup>182</sup> :

- a) Langkah yang pertama ialah pentas akan dijadikan tempat, selalunya ia akan dihiasi dengan lukisan pokok pine, plum ataupun buluh. Di depannya anak patung didudukkan di atas singgahsana maharaja dan berpakaian dengan baju warna gelap, manakala permaisuri akan dipakaikan dengan kimono merah yang mempunyai 12 jalur kimono. Mereka ini dikenali *dairisma*.
- b) Di barisan yang kedua ini pula akan diletakkan 3 orang gadis istana ataupun dikenali sebagai *Perwara* iaitu *sannin kanjo*.
- c) Di bawahnya pula ialah 5 orang ahli muzik yang terdiri daripada penyanyi, 3 pemain drum dan pemain seruling.
- d) Barisan keempat ialah 2 orang pengawal istana bersama dengan kek yang berwarna merah jambu, putih dan hijau.

---

<sup>182</sup> S. Danial, *op.cit*, hal. 10.

- e) Barisan kelima terdiri daripada pembantu yang memegang selipar dan payung.
- f) Barisan keenam ialah peralatan perabot.
- g) Barisan akhir ialah terdiri daripada pokok-pokok bunga hiasan seperti pokok ceri ataupun pokok limau.

Biasanya permainan anak patung ini ialah mengenai hari perayaan ataupun hari perkahwinan. Manakala gambaran mengenai perabot dan perhiasan adalah perkahwinan anak gadis golongan yang mulia. Melihat kepada adat menghias peragaan ini iaitu dengan bunga pic, perayaan ini juga dikenali sebagai *Momo no Sekku* yang bermakna ‘Perayaan Pic’, tetapi ia biasanya dikenali sebagai perayaan anak patung<sup>183</sup>.

Perayaan anak patung ini adalah pada 3 March. Tujuan diadakan perayaan ini ialah sebagai doa untuk kesihatan dan kebahagian anak perempuan. Kanak-kanak akan mengambil bahagian di dalam perayaan ini dan bila kanak-kanak ini telah dewasa, emak mereka akan akan menyediakan set anak patung dan mereka akan mengajarkan anak mereka untuk bermain dengan anak patung ini<sup>184</sup>.

---

<sup>226</sup> I. Gen, *op.cit*, 89.

<sup>227</sup> *Ibid*, hal. 89.

Pada masa lalu orang Jepun biasanya mengingini supaya penyakit dan nasib malang mereka menimpa anak patung hina yang dibuat daripada kertas dan menghanyutkannya di anak sungai atau sungai supaya membawa pergi semua bencana yang mereka alami. Ini kerana perkataan Jepun untuk anak patung ialah *ningyo* yang boleh juga dibaca *hitokata* iaitu yang bermaksud suatu benda yang mewakili bentuk manusia dan kepada anak patunglah roh-roh jahat dapat dipindahkan dalam upacara penyucian atau menghalau hantu<sup>185</sup>.

### **TANGO NO SEKKU.**

Perayaan budak lelaki ini diadakan pada 5 Mei. Mengikut tradisi keluarga Jepun meraikannya dengan sebagai perayaan untuk budak lelaki iaitu dengan memasang peragaan anak patung samurai memakai senjata dan baju besi di dalam rumah dan mengibarkan ular yang mewakili ikan kap di luar<sup>186</sup>.

Ular-ular ini dinamakan koinobori, dikibarkan dari tiang buluh tinggi yang didirikan di luar rumah. Panji-panji panjang biasanya dikibarkan dari bahagian atas tiang ini. Ikan ini dipilih sebagai hiasan untuk peristiwa ini kerana ia sebagai ikan yang kuat dan berupaya melompat naik air terjun.

Ikan-ikan kap ini membayangkan harapan ibu bapa yang anak lelaki mereka akan menjadi lelaki yang kuat dan dapat mengatasi halangan yang menimpa mereka. Ikan-ikan

---

<sup>228</sup> *Ibid.*

<sup>229</sup> *Ibid*, hal. 32.

kap yang dikibar ini adalah dalam pelbagai warna dan ianya adalah panjang sehingga sembilan meter dan ianya akan berkibar di langit pada bulan Mei.



Ikan yang seumpama layang-layang dikibarkan pada masa perayaan Koinobori  
 (sumber: [www.japanlifestyle.com.jpg](http://www.japanlifestyle.com.jpg))

Semasa perayaan ini Tokunama akan menjadi tempat untuk kanak-kanak lelaki dan kawan-kawannya berkumpul. Mereka akan memakan kek nasi istimewa yang dibungkus dalam daun oak atau buluh. Makanan ini telah dikenali sebagai *Kashiwa mochi*<sup>187</sup>.

---

<sup>180</sup> S. Daniel, *op.cit*, hal. 13.

Perayaan ini telah disambut di China pada abad ketujuh atau abad ke-8 Masihi lagi dan kemudiannya disambut di Korea dan Jepun. Keluarga samurai semasa zaman Edo akan mengibarkan bendera yang panjang dengan perhiasan di halaman rumah mereka. Alat-alat perhiasan itu ialah yang berkaitan dengan ketenteraan telah digunakan.

Pada perayaan ini juga mereka akan mandi dalam air yang ditaburi dengan daun pokok iris Jepun. Mereka akan memasukkan daun iris ke dalam air panas dan baunya yang segar itu membuatkan airnya berbau harum. Mereka percaya yang mandi dengan air daun iris ini memberi tenaga kepada mereka untuk menghalang daripada api<sup>188</sup>.

Perayaan ini menggambarkan kepada kita bahawa masyarakat Jepun menghargai mereka dan mahu kanak-kanak ini berada dalam kegembiraan dan mengharapkan agar mereka dapat berbakti kepada tanah air.

### **HANAMI (aktiviti musim bunga ceri yang gugur)**

Lambang keluarga Jepun ialah bunga kekwa tetapi ianya telah ditukar kepada bunga sakura iaitu bunga ceri yang kini telah pun dianggap bunga kebangsaan oleh masyarakat Jepun. Masyarakat tradisi Jepun amat menggemari bunga ini<sup>189</sup>.

---

<sup>188</sup> *Ibid.*

<sup>189</sup> I. Gen, *op.cit*, hal. 28.

Bunga ceri ini selalu disebut oleh mereka di dalam puisinya iaitu *haiku* dan *waka*. Di samping pokok plum, pine dan buluh bunga ceri ini juga telah memberi makna dalam kehidupan masyarakat Jepun.

Bagi masyarakat Jepun mereka menganggap bunga ceri yang gugur, bertaburan, dan terus menghilang di kemuncak keindahan dan kegemilangannya diibaratkan sebagai saat-saat akhir hayat seorang samurai dan disanjung sebagai melambangkan semangat Jepun.

Tradisi Hanami ini bermula pada tahun 1598, iaitu apabila Hideyoshi iaitu pemangku Maharaja melawat *Daigo no Hanami* berhampiran dengan Kyoto. Kemudiannya Hideyoshi telah melawat Daimyo di kawasan tersebut iaitu tahun di mana tahun terakhir Hideyoshi menyambut majlis itu<sup>190</sup>.

Pada tahun itu Hideyoshi juga telah meninggal dunia, iainya telah digantikan dengan kerajaan Tokugawa di bawah pemerintahan Ieyasu dan masih juga mengikuti adat tersebut.

---

<sup>193</sup> S. daniel, *op.cit*, hal. 12.



Masyarakat Jepun seumpama berkelah di bawah pokok ceri.  
 (sumber : [www.japanstyle.com](http://www.japanstyle.com))

Apabila bermulanya musim bunga masyarakat Jepun akan menyambutnya. Mereka akan mengadakan majlis di kawasan pokok ceri dan ianya adalah diadakan jamuan ini telah dikenali sebagai *Hanami*. Majlis ini adalah sangat popular pada masa lalu dan masih lagi di adakan hingga hari ini<sup>191</sup>.

Majlis ini disambut dengan begitu meriah iaitu dengan cara mereka akan memilih pokok ceri yang sesuai dan mereka akan duduk di bawahnya. Mereka akan menari, makan tengahari, minum sake bersama-sama. Musim bunga memberi pelbagai erti kepada mereka. Hanami ini akan disambut pada bulan April setiap tahun iaitu pada musim bunga.

---

<sup>194</sup>Ibid.

## 5.1 Kesan Agama

### 5.1.1 MITOS ASAL USUL TAMADUN JEPUN

Pada zaman purba, masyarakat Jepun mempunyai kepercayaan yang terlalu daif. Mereka menjadikan unsur alam sebagai objek pemujaan. Antaranya ialah air terjun, pokok – pokok besar, gunung, dan batu. Kepercayaan ini dikenali sebagai *Animisme*. Kepercayaan Animisme yang disembah oleh nenek moyang orang Jepun moden melibatkan unsur *Totemisme* dan *Fetishme*. Totemisme adalah merupakan ukiran berbentuk binatang atau benda manakala Fetishme adalah objek yang dipuja sebagai mengiktiraf kewujudan Tuhan yang agung yang dikenali sebagai *kami*.

*Kami* adalah gabungan cara hidup dan daya kreativiti.<sup>170</sup> *Kami* Seharusnya memiliki kuasa ghaib atau berlapis yang dikenali sebagai ‘*mitama*’ (‘august jewel’) dan ia juga tidak berubah di dalam makam ‘*Shintai*’ (‘god - body’) yang dijelaskan semula melalui cermin, pedang, dan apa sahaja yang berbentuk objek.<sup>171</sup>

Perkembangan agama yang bermula pada zaman kuno Jepun dikenali sebagai *Shinto* ( dua perkataan China yang bermaksud “The way of the *kami* or Gods ) membezakannya dengan Buddha yang diperkenalkan kepada Jepun oleh Korea pada

---

<sup>235</sup> Varley, H.P, *Japanese Culture*, University of Hawaii Press ( Honolulu ), Hawaii, 1984, hlm.8

<sup>236</sup> Milon Nandy, *The Profound Teachings of Buddhism, Taoism, Confucianism, & Shintoism*, Eurasia – Pacific Books, Selangor, 1996, hlm. 96

pertengahan abad keenam. *Shinto* yang merupakan sejenis kepercayaan primitif, tidak berkaitan dengan kehidupan atau kematian.

Terdapat dua tahap pembersihan daripada kejahatan dan dosa yang menjadi dasar utama dalam ajaran *Shinto* iaitu secara dalaman dan luaran. Cara luaran atau pembersihan dosa secara fizikal dikenali sebagai *kessai* dan cara dalaman atau jampi yang dikenali sebagai *herai*. Setelah seseorang itu membersihkan diri, maka rohnya dianggap telah kembali kepada asal dan tidak mempunyai dosa lagi. Salah satu amalan dalam *Shinto* yang menjadi ciri utama kepada kehidupan sosial Jepun ialah *Matsuri* ( perayaan *kami* ).<sup>172</sup>

*Shinto* kaya dengan keistimewaan mitologi. Mitologi ini bermula daripada cerita abad ketujuh iaitu dikatakan dunia pada ketika itu dibawa pengaruh China melalui kosmologi ( ilmu atau teori tentang alam ). Dikatakan juga bahawa permulaan orang Cina *yin – yang* dualisme adalah daripada unsur – unsur cahaya yang bersinar menjadi syurga dan unsur itu telah menjadi berat kemudiannya membentuk bumi. Tuhan – tuhan ( *kami* ) kemudian wujud dan selepas enam generasi Tuhan abang dan adik iaitu *Izanami* dan *Izanagi* telah membina sebuah hanyutan daratan. *Izanagi* kemudiannya melemparkan dengan kuat sebilah tombak ke dalam lautan dan mengeluarkannya semula.

Air masin yang menitis di hujung tombak tersebut telah membentuk pulau – pulau. *Izanami* dan *Izanagi* tinggal bersama sebagai cahaya di syurga yang menyinari pulau. Mereka juga bukan sahaja menjaga pulau – pulau di Jepun tetapi

---

<sup>172</sup> Varley, H.P, *Japanese Culture*, hlm.9

juga menjaga tuhan – tuhan yang lain. Semasa ingin mencipta Tuhan Api, *Izanami* telah turun ke bumi dengan marah. *Izanagi* telah pergi memujuk dan sekaligus ingin menjemput kembali *Izanami*. Walau bagaimanapun, *Izanagi* amat terkejut dengan keadaan *Izanami* yang kelihatan hancur dan badannya dipenuhi dengan ulat.

Melihat *Izanagi* yang ingin menghampirinya, *Izanami* tergopoh – gapah mengundurkan diri daripada didekati oleh *Izanagi*. *Izanagi* dengan segera telah pergi membersihkan dirinya di salah sebuah sungai. *Izanagi* kemudian menghasilkan *kami* ( Tuhan – Tuhan yang lain ) daripada jatuhnya air basuhannya. Hasil jatuhnya air basuhan tersebut maka wujudlah Tuhan Matahari iaitu basuhan mata *Izanagi* di sebelah kiri dan Susanoo iaitu Tuhan Ribut hasil basuhan hidung *Izanagi*.<sup>173</sup>

Masyarakat Jepun percaya bahawa Dewa Matahari dan Dewa Ribut mempunyai kaitan dengan bangsa Jepun. Mitologi ini juga direkodkan dalam dua kajian iaitu *Kojiki* dan *Nihon Shoki*. Menurut kedua – dua kajian ini, Dewi Matahari iaitu *Amaterasu Omikami* telah dilantik oleh ayahandanya untuk memerintah di Dataran Kayangan Tinggi manakala anak lelakinya, *Susanoo* memerintah Dataran Laut. Keputusan ini tidak dipersetujui oleh Susanoo lalu melakukan huru – hara untuk membala dendam kepada kakaknya.

Amaterasu menjadi takut lalu bersembuni di dalam gua dan dunia menjadi gelap. Dewa – dewa lain menjadi risau lalu mencari jalan bagaimana mahu mengeluarkan Amaterasu dari gua. Akhirnya sebatang pokok suci didirikan yang mana dahan yang

---

<sup>173</sup> Ibid., hlm.10

teratas mereka gantungkan sebiji permata, dahan yang tengah pula digantung dengan sebuah cermin.

Salah seorang daripada dewa tersebut menarikan tarian lucu sehingga membuatkan yang lain tertawa. Keriangan tersebut menimbulkan keinginan di dalam hati Amaterasu, untuk mengetahui apa yang sedang berlaku lalu beliau pun mengintai keluar. Ketika itu kelihatan bayangan beliau di permukaan cermin dan menyebabkan beliau keluar sedikit lagi. Melihat kelakuan Amaterasu itu, salah seorang daripada dewa menarik beliau keluar dan dunia kemudiannya menjadi terang semula.

Sebagai balasan kepada Susanoo, beliau telah diusir keluar dari kayangan. Dalam pengembaraannya *Izanagi* telah bertemu dengan seekor binatang besar yang berekor lapan. *Izanagi* dapat membunuh binatang tersebut dan menjumpai sebilah pedang besar dalam satu daripada ekor binatang itu dan menghadiahkannya kepada Amaterasu. Pada masa yang sama, cucu *Amaterasu* iaitu *Ninigi* telah diperintahkan turun ke bumi dan menjadi maharaja dunia yang pertama di Jepun dikenali sebagai *Jimmu Tenno*. Maharaja yang bertahta di Jepun pada hari ini dikatakan mempunyai pertalian dengan Jimmu Tenno yang mempunyai jurai keturunan Dewi Matahari. Orang Jepun mempercayai *kami* yang wujud secara semulajadi seperti *Amaterasu* ( Tuhan Matahari ) atau Tuhan – Tuhan yang kurang dikenali seperti *Jingo* dan *Ojin*.<sup>174</sup>

---

<sup>174</sup> Milon Nandy, *The Profound Teachings of Buddhism, Taoism, Confucianism, & Shintoism*, New York Press, hal. 96.

Masyarakat Jepun amat menghormati maharaja kerana maharaja Jepun mempunyai pertalian dengan Dewi Matahari. Ianya merupakan lambang kepada kekuasaan Maharaja Jepun yang bertakhta pada hari ini. Cermin, pedang, dan permata mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan mereka. Dengan sebab itulah peralatan tersebut menjadi sebahagian daripada peralatan rasmi Kerajaan Jepun yang menjadi kebanggaan kepada masyarakat Jepun. Ianya mempunyai nilai sejarah yang tinggi dan dengannya dapat menonjolkan identiti tamadun Jepun sendiri.<sup>175</sup>

Secara ringkasnya sejarah Shinto mempunyai empat fasa iaitu :

**1. Primitif Shinto :**

terangkum dalam ciri – ciri penjelmaan semula yang datang terlebih dahulu kepada Buddha pada awal abad keenam.

**2. Ryobu :**

Campuran Shinto dan Buddha, merupakan bentuk yang lazim pada akhir abad keenam.

**3. Kesedaran semula Terhadap Kesucian Shinto :**

Pada abad ke-19 dibawa pengaruh '*Motoori*' dan '*Mabuchi*'.

**4. Shinto dengan rasmi pada zaman moden :**

Semua kuil – kuil dikawal atau dikuasai oleh jabatan kerajaan.<sup>176</sup>

---

<sup>175</sup>Azhar M.A, *Kuliah 13; Tamadun Jepun, Pandangan Semesta, Masyarakat dan Budaya*, Internet

<sup>176</sup>Milon Nandy, *The Profound Teachings of Buddhism, Taoism, Confucianism, & Shintoism*, hlm. 98.

### 5.6.2 Pandangan Semesta

Agama masih lagi menjadi asas utama dalam pembentukan pandangan semesta sesebuah masyarakat. Hal ini turut berlaku dalam Tamadun Jepun. Agama telah menjadi elemen utama kepada pembentukan pandangan semesta masyarakat Jepun. Agama tradisi masyarakat Jepun ialah “*Shinto*” dan selain daripada *Shinto* terdapat agama asing yang telah diterima pakai oleh masyarakat Jepun seperti Buddha, Konfusius, Taoisme, Hindu, Kristian, dan Islam.

Kepelbagaiannya agama di Jepun telah mewujudkan pelbagai pandangan semesta selaras dengan ajaran agama masing-masing. Namun boleh dikatakan bahawa pandangan semesta masyarakat Jepun lebih didominasikan oleh agama pribumi Jepun iaitu *Shinto* dan dua lagi agama asing iaitu Buddha dan Konfusius.

#### **SHINTO**

Pada dasarnya agama Shinto merupakan satu kepercayaan yang tidak berorganisasi ( tidak mempunyai fahaman ketuhanan yang jelas, tidak mempunyai suruhan dan larangan yang tegas ), tidak mempunyai kitab-kitab, tidak mempunyai perantara atau nabi sebagaimana agama-agama lain yang mana masyarakat Jepun lebih mengenalinya sebagai “*Kami*”.

Menurut kepercayaan masyarakat Jepun, terdapat pelbagai *Kami*, namun ia tetap mempunyai ciri – ciri yang sama iaitu :

- *Ia tidak mempunyai bentuk*
- *'Kami' tidak mempunyai moral. Ia mempunyai kuasa untuk bertindak balas, tidak kira sama ada tindakannya itu disukai oleh manusia atau tidak. Kerana itulah masyarakat Jepun amat menghormati alam.*
- *Kebanyakan daripada 'Kami' tidak menyukai darah, kekotoran, dan kematian.*

Oleh itu masyarakat Jepun mempercayai bahawa '*Kami*' mempunyai kuasa luar biasa untuk memenuhi permintaan mereka serta melindungi mereka daripada bencana. Dengan erti kata lain, pandangan semesta masyarakat Jepun mempunyai ciri – ciri animisme. Oleh itu kuasa – kuasa alam semulajadi seperti pokok – pokok besar, batu, gunung, dan lain – lain fenomena alam menjadi objek penyembahan agama *Shinto*.

Selain daripada fahaman animisme yang mempengaruhi pandangan semesta masyarakat Jepun, agama *Shinto* juga menekankan empat perkara utama iaitu kebersihan, kekeluargaan, perayaan (*matsuri*), dan ketaatan.

## BUDDHA

Buddhisme masuk ke negara Jepun melalui China dan Korea pada abad keenam. Pendukung utama berkembangnya agama Buddha di Jepun adalah Shoutoko Taishi ( 574 – 622 SM ), iaitu seorang yang berpangkat *Regent*. Beliau berusaha menggabungkan ajaran moral Buddha dalam kehidupan sosial dan politik negara. Shoutoko mengenal Buddhisme sebagai suatu cadangan efektif untuk mendapatkan kesatuan nasional yang serasi dengan konsep–konsep universalnya. Interaksi antara ajaran Buddha dengan budaya Jepun juga merupakan aspek penting dalam sejarah perkembangan agama Buddha di Jepun.<sup>177</sup>

Terdapat perkaitan antara agama Buddha dan fahaman Shinto. Apa yang tidak dapat diberikan oleh Buddhisme, diberikan dengan banyaknya oleh *Shintoisme*. Misalnya taat setia kepada kerajaan, ingatan yang penuh hormat terhadap nenek moyang, dan juga sikap taat setia terhadap ibu bapa yang lebih istimewa dari yang diajarkan oleh mana – mana kepercayaan lain, kesemuanya dipupuk oleh doktrin *Shinto*.<sup>178</sup>

---

<sup>177</sup>Mudji .S, *Buddhisme Pengaruhnya dalam Abad Modern*, (Pustaka Filsafat, Yogyakarta, 1993), hal. 142.

<sup>178</sup>Inozo Nitobe ( Terj. Wong Seng Tong ), *Bushido ( Jiwa Negara Jepun )*, (Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986), hal. 8.



Buddha menjadi antara ajaran agama yang popular di Jepun  
(sumber: [www.guide to Japan.com./shichigosan.htm](http://www.guide-to-japan.com/shichigosan.htm))

Buddhisme atau *Buddha* membawa satu keyakinan yang tenang terhadap takdir, memberikan satu penyerahan yang tenteram terhadap perkara – perkara yang memang tidak dapat dielakkan. Ia juga membawa ketenangan dan ketabahan sewaktu menghadapi bahaya atau malapetaka, serta membawakan sikap tawar terhadap hidup dan kesenangan terhadap maut.<sup>179</sup> *Rukun etika pengajaran Konfusian* merupakan sumber Bushido yang paling prolifik. Pernyataannya tentang lima jenis perhubungan moral iaitu diantara tuan dengan hamba atau pekerja ( iaitu yang memerintah dengan diperintah ), di antara ayah dengan anak, di antara suami dengan isteri, di antara abang dengan adik, dan diantara

---

<sup>244</sup> Ibid, hal. 7.

kawan-kawan merupakan satu pengesahan terhadap sesuatu yang telah dikenali dengan jiwa bangsa sebelum Konfusian dibawa ke Jepun.<sup>180</sup>

Pengajaran *Bushido* telah membentuk suatu cara hidup dan sistem etik di kalangan kaum samurai yang lebih tinggi darjatnya dari yang terdapat dikalangan masyarakat biasa.<sup>181</sup> Agama Buddha seterusnya mencapai kedudukan yang kuat hasil daripada peranan seorang individu yang berketurunan bangsawan iaitu Putera Shotoku. Kerana minatnya yang mendalam terhadap agama Buddha, beliau telah menjadi wali agama Buddha yang pertama di Jepun. Antara langkah yang telah diambil oleh beliau dalam mengembangkan ajaran Buddha ke Jepun ialah dengan pengenalan kod perlakuan sosial yang lebih dikenali sebagai “Perlembagaan Artikel 17”.

Ajaran ‘Zen’ mula dikembangkan dan diperkenalkan kepada golongan *Samurai*, bagi mengatur strategi ketenteraan pada masa tersebut. Hal yang menarik dari *Zen* adalah *tekanan pada disiplin diri yang kuat dan mengalahkan rasa takut atas kematian*. Ini telah membentuk sikap orang Jepun yang setia dan rela berkorban bagi negara dengan cara *Kamikaze*.

Terdapat dua tokoh yang dikenali sebagai Guru *Zen* Jepun iaitu,

1. *Eisai* ( 1141 – 1215 ), yang memperkenalkan bentuk *Koan* yang disebut *Zen Rinzai*. Bentuk ini memelihara hubungan antara Guru, murid dan fokus pengajaran.

---

<sup>245</sup> Ibid., hal. 10.

<sup>246</sup> Ibid., hal. 110.

2. *Dogen* ( 1200 – 1253 ), pengalamannya berorientasi pada *zazen* yang disebut *Zen Soto*. Bentuk ini lebih menekankan tanggungjawab murid untuk membatasi hubungan dengan guru dan menciptakan sendiri fokusnya dalam praktik. *Zazen* bukan seperti meditasi yang berfikir dan berorientasi pada sesuatu.<sup>182</sup>

*Koan* berasal dari kata China, iaitu *kung –an* yang bererti *suatu yang mendahului rumusan tetap dalam perasaan*. Koan mewujudkan suatu kegembiraan dari jiwa yang terang dan disifatkan sebagai satu gerakan kuat dari batas – batas ikatan, keinginan spontan untuk membebaskan diri dari dogma agama yang mati, mengenepikan ciri – ciri ritual yang kosong, kerana ‘*diangkut oleh kekuatan jiwa yang dahsyat*’.<sup>183</sup>

Selain daripada elemen–elemen di atas, terdapat juga elemen–elemen yang terkandung di dalam ajaran agama Buddha yang telah mempengaruhi *world view* masyarakat Jepun. Antaranya ialah agama Buddha yang membawa prinsip persamaan hak sesama manusia dan pentingnya perpaduan dalam membina negara yang kukuh. Menurut ajarannya, setiap manusia yang hidup di dunia ini mempunyai hak yang sama walaupun berbeza dari segi keturunan, agama, warna kulit dan lain–lain. Pastinya rakyat perlu hidup bersatu padu

<sup>182</sup> Mudji .S, *Buddhisme Pengaruhnya dalam Abad Modern*, hlm. 143.

<sup>183</sup> *Ibid.*, hlm. 144.

tanpa mengira perbezaan pendapat dan sebagainya demi keharmonian dan kesejahteraan negara. Hanya cara demikian sajalah kemajuan sesebuah negara dapat dicapai.<sup>249</sup>

## KONFUSIANISME

Sebenarnya Konfusianisme bukanlah merupakan bentuk agama tetapi ia lebih merupakan falsafah dan etika moral. Ajarannya amat menekankan lima prinsip iaitu *rakyat patuh kepada raja, anak patuh kepada ayah, adik patuh kepada abang, isteri patuh kepada suami, dan kawan setia kepada kawan*. Melalui prinsip pertama, kesannya terhadap masyarakat Jepun ialah masyarakat Jepun mempunyai semangat patriotik dan cintakan negara yang amat kuat dalam diri mereka. Melalui prinsip empat pula, ia sememangnya telah memberi kesan yang mendalam kepada pembentukan *world view* masyarakat Jepun khususnya mengenai kedudukan wanita. Konfusian sememangnya menekankan bahawa kedudukan wanita sentiasa rendah daripada lelaki. Wanita juga tidak boleh membantah jika mendapati suaminya mempunyai hubungan dengan perempuan lain atau melanggan “*geisha*”.

Secara keseluruhannya, melalui kelima-lima prinsip tersebut, ianya lebih mementingkan nilai kasih sayang dalam kehidupan. Ajaran ini menekankan bahawa manusia secara lumrahnya memerlukan kasih sayang dan konsep ini telah diterima oleh semua lapisan masyarakat Jepun sebagai satu sifat yang mulia. Konsep ini dalam bahasa

---

<sup>249</sup> Azhar M.A, *Kuliah 13; Tamadun Jepun, Pandangan Semesta, Masyarakat dan Budaya Internet*.

Jepun dikenali sebagai “karuna”. Falsafah dan pemikiran sedemikian telah berakar umbi dalam masyarakat Jepun sehingga ke hari ini.<sup>250</sup>

## 5.2 Kesan Pendidikan

### **PENDIDIKAN**

Bidang pendidikan dan ilmu pengetahuan telah menjadi agenda penting pada zaman Meiji untuk menandingi kuasa Barat. Perkara ini dilakukan dengan penyerapan teknologi pengetahuan daripada negara-negara tersebut. Pemimpin Meiji sedar bahawa pelajaran merupakan asas penting untuk menjadi kuasa ekonomi dan militeri termoden. Pelajaran juga dianggap sebagai kunci membina sebuah negara yang kukuh. Beratus-ratus penuntut Jepun dihantar ke luar negeri mempelajari sains, pentadbiran dan teknik perindustrian barat. Pakar-pakar, golongan professional dan pakar teknologi barat telah digaji untuk mengajar berbagai kemahiran kepada rakyat Jepun.

Pada tahun 1871 Kementerian Pelajaran ditubuhkan dan pada tahun 1872, Jepun dibahagikan kepada 8 kawasan pelajaran. Setiap kawasan mempunyai sebuah universiti, 32 sekolah menengah dan 210 sekolah rendah. Kanak-kanak berusia 6 tahun ke atas menerima pelajaran wajib selama 16 bulan. Menjelang tahun 1880, terdapat lebih kurang 28,000 buah sekolah rendah dengan jumlah murid hampir 2 juta. Pada tahun 1886, Mori Arinori (Menteri Pelajaran 1885 – 89) telah memulakan satu sistem – pelajaran sekolah

---

<sup>250</sup> Azhar M.A, *Kuliah 13; Tamadun Jepun, Pandangan Semesta, Masyarakat dan Budaya*, Internet

rendah diwajibkan selama 8 tahun dan sekolah menengah menawarkan kursus selama 4 tahun. Sekolah-sekolah tinggi – sekolah teknikal peringkat tinggi ditubuhkan meliputi bidang perubatan, sains ketenteraan, pelayaran, pertanian, perdagangan, perikanan dan lain-lain.<sup>251</sup>

---


<sup>251</sup> Azhar Hj. Mad Aros et all, *Titas Kertas 2*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, hlm 296

## Composition Figure (Japan Map)

&lt;2002/10&gt;

- Super SINET 10Gbps
- Domestics circuit 30~100Mbps

- Super SINET node
- SINET node



Peta menunjukkan kawasan-kawasan yang mana terdapatnya pusat pengajian tinggi di Jepun.

(sumber: Jurnal Pendidikan Jepun oleh Kementerian Pendidikan Jepun, Kajian Sosial Jepun, 2001. hal. 14.)

Pusat tertinggi sistem pendidikan Jepun ialah Universiti Diraja Tokyo yang ditubuhkan pada tahun 1886. Menjelang tahun 1910, beberapa universiti diraja ditubuhkan di Sapporo, Kyoto, dan Fukuoka. Pendaftaran sekolah rendah mencapai angka 6.3 juta dan sebanyak 7,239 buah universiti telah ditubuhkan. Seluruh sistem pelajaran tertakluk kepada keperluan negara yang menuntut rakyat menjadi warganegara yang terlatih dan berdisiplin. Perintah Diraja mengenai pelajaran dikeluarkan pada tahun 1890 yang menghuraikan mengenai kepatuhan dan penghormatan kepada Maharaja harus diterapkan di dalam kurikulum sekolah dan institusi pengajian tinggi di Jepun.



Gambar yang menunjukkan pelajar sekolah tinggi di Jepun.  
(sumber: [www.tokyolifestyle.com.jpg](http://www.tokyolifestyle.com.jpg))

Walaupun Jepun sudah bergelar sebagai sebuah negara membangun, Jepun tetap memberi penekanan dan tumpuan dalam bidang pendidikan. Ia adalah salah satu daripada perkara penting selepas perlembagaan baru dibentuk.<sup>252</sup> Pendidikan moden wujud di Jepun selepas Pembaharuan Meiji, dan tradisi pendidikan wajib serta pendidikan tinggi dibentuk dalam tahun-tahun seterusnya. Walau bagaimanapun, sistem ini telah diubah selepas Perang Dunia Kedua menjadi sistem yang berasaskan sistem Amerika.

Mengikut sistem ini, pendidikan wajib dibahagikan kepada enam tahun sekolah rendah dan tiga tahun sekolah menengah rendah, diikuti oleh pendidikan tinggi yang tidak wajib yang terdiri daripada tiga tahun sekolah menengah tinggi, empat tahun pengajian ijazah pertama dan pengajian lepas ijazah. Selain kursus ijazah universiti selama enam tahun, kursus selama dua tahun di kolej pendidikan tinggi dan kursus lima tahun di kolej teknik diwujudkan. Pelajar memasuki peringkat terakhir ini selepas lulus daripada sekolah menengah rendah.

Kebanyakan universiti di Jepun, dua tahun pertama adalah terdiri daripada pengajian am dan dua tahun terakhir terdiri daripada pengajian khusus. Undang-undang, pengurusan dan kursus sepertinya diajar di peringkat ijazah dan bukan di sekolah lepas ijazah. Kebanyakan siswazah kursus ijazah pertama meninggalkan universiti dan mencari kerja sebagai kakitangan kerajaan, pekerja syarikat atau guru sekolah. Manakala mereka yang ingin menjadi ahli akademik, guru dan lain-lain meneruskan pengajian di sekolah

---

<sup>252</sup> Roger Buckley, Japan Today, Third Edition, Cambridge University Press, 1999, hlm 17

lepasan ijazah. Kursus lepasan ijazah dibahagikan kepada kursus Sarjana dan kursus Kedoktoran. Calon yang mengambil kursus kedoktoran mendapat ijazah kedoktoran dengan menyerahkan tesis pada akhir kursus berkenaan.

Keluarga Jepun yang mempunyai anak membelanjakan bahagian yang sangat besar daripada belanjawan isi rumah mereka untuk pendidikan seperti ini. Calon yang gagal dalam percubaan pertama untuk memasuki universiti pilihan mereka selalunya menghadiri sekolah persediaan khas selama satu atau dua tahun sehingga lulus peperiksaan berkenaan. Sekolah persediaan yang mempunyai rekod baik meluluskan pelajar dalam peperiksaan persediaan memang mempunyai ramai pemohon dan pemeriksaan kemasukan bagi sekolah ini sendiri telah menjadi amat sukar.

Untuk memasuki sekolah tinggi yang bagus, seseorang itu perlu lulus daripada sekolah menengah rendah yang baik dan dengan ini persaingan dalam sistem pendidikan wujud terus sejak dari tadika lagi. Ibu bapa melibatkan diri dengan mendalami pendidikan anak mereka dan memasukkan anak mereka ke sekolah yang bagus telah menjadi lambang status bagi mereka.<sup>253</sup>

---

<sup>253</sup> Azhar Hj. Mad Aros et. all, *Titas Kertas 2*, Penerbit Ffajar Bakti Sdn. Bhd, hlm 317



Seifu ataupun pakaian sekolah pelajar Jepun.  
(sumber: [www.japangallery.com](http://www.japangallery.com))

Dalam bidang pendidikan ini, Jepun telah bergerak dengan lebih jauh lagi apabila mempelajari sains dan teknologi serta pendidikan saintifik telah dijalankan secara meluas di Jepun. Buku-buku teks banyak yang ditulis semula untuk memenuhi keperluan semasa, kurikulum juga disemak dan dikemaskinikan.<sup>254</sup> Jepun juga telah mengambil langkah yang berani dengan melibatkan diri dalam pengendalian tenaga nuklear. Pada tahun 1956, satu Suruhanjaya tenaga atom telah ditubuhkan untuk menjalankan penyelidikan, pembangunan dan penggunaan tenaga nuklear. Ia juga bertujuan supaya kerja-kerja penyelidikan tersebut dilakukan secara berhati-hati kerana ia adalah merbahaya dan boleh memusnahkan harta benda dalam sekilip mata.

---

<sup>254</sup> Roger Buckley, *Japan Today*, Third Edition, (Cambridge University Press, 1999), hal. 20.

Setelah hampir dua dekad Jepun berusaha dalam bidang penyelidikan tenaga atom, kini ia telah memasuki zaman penggunaan sepenuhnya tenaga nuklear, iaitu dasar penggunaan tenaga nuklear secara aman dan ia sedang berubah daripada penyelidikan kepada peringkat yang dimajukan sebagai satu industri.<sup>255</sup>

---

<sup>255</sup> Kementerian Luar Negara Jepun, *Jepun Hari Ini 1983*, hal. 123-129.